

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 9 - 15 JUN 2022

www.selangorkini.my

Teknologi pintar tangani isu jalan

Guna kamera pintar, dron dan kecerdasan buatan (AI) untuk kumpul dan analisis data supaya kerja baik pulih, atasi kesesakan dapat diambil segera dengan berkesan termasuk mudah membuat aduan

MUKA 3

Karnival tawar 20,000 peluang kerja

Hampir 10,000 orang dijangka mengunjungi program dua hari di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam mulai 11 Jun yang disertai 115 syarikat dari pelbagai sektor

MUKA 5



Dato' Menteri Besar Dato'Seri Amirudin Shari (tiga, kanan), Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Datin Paduka Mastura Muhamad (kiri), Pengarah Eksekutif Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) Farhan Affandi (dua, kanan) dan Ketua Pengarang IBDE AI-Mustaqeem Mahmud Radhi menunjukkan buku terbitan baharu di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pada 6 Jun 2022. Foto FIKRI YUSOF ▶ BERITA MUKA 4

pancawarna

Pembeli Rumah Idaman kongsi pengalaman

Harga berpatutan, lokasi strategik, sedia banyak kemudahan

10



Atur strategi jamin bekalan makanan

Usaha negeri pastikan pengguna tidak putus ayam harga murah

12&13



Nam Ron pernah kerja cuci pinggan

Zaman remaja berpuisi atasi sukar membaca, menulis

9



Ramai peserta alami kolesterol tinggi

SABAK BERNAM - Majoriti peserta yang menjalani pemeriksaan kesihatan Selangor Saring mengalami kadar kolestrol agak tinggi.

Ahli Penasihat Kesihatan Awam Selangor Dr Mohammad Farhan Rusli berkata dapatan itu diperoleh hasil ujian darah dalam program yang bermula di Ijok pada Mei lalu.

"Kita juga mengesan masalah buah pinggang iaitu ujian air kencing menunjukkan fungsinya tidak begitu baik diikuti ujian Virus Papiloma Manusia (HPV) bagi mengesan kanser serviks.

"Bagaimanapun, berdasarkan saringan tidak semestinya mereka ada penyakit. Contohnya jika ujian HPV positif, tidak bermakna mereka ada kanser serviks tetapi risiko seseorang itu mendapat penyakit itu," katanya pada 6 Jun.

Kes HFMD naik 32 kali ganda

SHAH ALAM - Sebanyak 82,846 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dilaporkan sehingga hari terakhir minggu epidemiologi (ME) 22/2022 pada 4 Jun, meningkat 32 kali ganda berbanding tempoh sama tahun lalu iaitu 2,485.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata berbanding dengan 30,489 kes bagi tempoh sama pada 2019, sebelum pandemik Covid-19, ia merekodkan peningkatan 1.7 kali ganda.

"Kes dilaporkan di seluruh negara bagi ME 22/2022 ialah 16,954 kes, menurun 9.3 peratus berbanding ME 21/2022 iaitu 18,688 kes.

"Dalam tempoh tersebut, Selangor menyumbang jumlah kes tertinggi dengan 23,305 kes atau 28.13 peratus diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya 9,540 kes (11.52 peratus), Perak 8,032 kes (9.70 peratus), Kelantan 5,782 kes (6.98 peratus) dan Johor 5,234 kes (6.32 peratus) manakala negeri lain kes dilaporkan sekitar atau kurang 4,600," katanya dalam kenyataan pada 7 Jun.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Tiada sekatan hadir Bon Odori

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menitahkan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) untuk tidak menyekat program Bon Odori di Kompleks Sukan Negara Shah Alam pada 16 Julai.

Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan Ahmad berkata Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj juga menitahkan Jais supaya tidak menghalang mana-mana individu untuk menghadiri acara itu.

"Duli Yang Maha Mulia Tuanku ti-

dak berkenan apa-apa keputusan atau ketetapan tentang perkara seumpama ini disimpulkan dengan tergesa-gesa tanpa kajian dan penelitian yang mendalam.

"Baginda berpendirian banyak budaya mempunyai kaitan dengan agama tetapi tidak semestinya agama ada dalam budaya.

"Baginda juga bertegas bahawa mengamalkan sesuatu perkara adalah berbeza dengan perbuatan melihat," katanya dalam kenyataan pada 8 Jun.

Beliau berkata Sultan Sharafuddin juga menitahkan kakitangan Jais dan Majlis Bandaraya Shah Alam hadir ke program itu untuk membuat penilaian dengan adil dan saksama.

"Baginda sendiri pernah hadir program itu beberapa tahun lalu dan melihat sebarang yang boleh merosakkan akidah umat Islam melainkan ia satu program sosial pekerja industri milik syarikat Jepun yang banyak di Selangor," katanya.

Tubuh majlis penasihat negeri

Kukuh agenda kesihatan awam

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menubuhkan Majlis Penasihat Kesihatan Awam Selangor (Selphac) bagi memperkasa struktur dan fungsi jawatankuasa tetap kesihatan awam.

Dato' Menteri Besar berkata penubuhan majlis yang diluluskan pada 13 April bertepatan usaha mengukuhkan agenda kesihatan awam selepas negara memasuki fasa peralihan endemik.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan inisiatif itu juga selari hasrat Kementerian Kesihatan Malaysia yang menekankan

pembentukan Jawatankuasa Agenda Nasional Malaysia Sihat peringkat negeri.

"Selphac membantu Kerajaan Negeri merancang, melaksana dan memantau program serta membincang dan meniadakan penyelesaian isu semasa yang timbul berkaitan kesihatan awam," katanya pada 7 Jun.

Terdahulu beliau, melancarkan Selphac dan Apresiasi Petugas Barisan Hadapan Selangor di Dewan Jubli Perak di sini yang turut dihadiri EXCO Kesihatan Awam merangkap pengerusi Selphac Dr Siti Mariah Mahmud dan mantan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Amirudin yang juga penaung Selphac berkata ahli jawatankuasa majlis berperanan meningkatkan kesedaran dan tahap literasi berkaitan kesihatan awam melalui cadangan polisi serta program.

"Mereka juga akan mengenal pasti isu semasa berkait kesihatan awam dan mencadangkan langkah penyelesaian selain meluaskan fungsi ketua komuniti bagi membawa agenda komuniti sihat di negeri ini," katanya lagi.

Selphac dianggotai 15 ahli terdiri daripada pemimpin negeri, agensi pelaksana utama, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, pakar perubatan pelbagai bidang dan ahli akademik.

Kesan penyakit tidak berjangkit

SHAH ALAM - Program saringan kesihatan percuma membantu penduduk mengesan lebih awal penyakit tidak berjangkit bagi mengelakkannya menjadi lebih parah.

Ahli penasihat kesihatan awam Selangor Saring berkata isu kesihatan dipandang serius dengan mengambil iktibar penularan Covid-19 yang menyebabkan ramai meninggal dunia.

Menurut Dr Mohammad Farhan Rusli, kebanyakan yang dimasukkan ke hospital akibat jangkitan wabak itu

tidak menyedari mereka menghidap penyakit lain.

"Apabila kita melihat trend ini, mereka yang ada penyakit tidak berjangkit dan terkena Covid-19 kesannya lebih teruk berbanding mereka yang tiada penyakit lain.

"Jadi, inisiatif saringan kesihatan percuma Selangor Saring ini bagi mengesan golongan tersebut," katanya pada 31 Mei.

Beliau menambah golongan yang menyangka mereka sihat terutama belia

antara sasaran utama bagi membuat saringan untuk mengesan risiko penyakit.

"Apabila kita dapat kesan awal, kemungkinan besar kita dapat selamatkan lebih awal. Juga dapat elak rawatan susah yang akan mengambil masa hingga mengganggu kualiti hidupnya," katanya lagi.

Maklumat lanjut boleh didapati melalui pautan selangorsaring.selangor.gov.my, hubungi Selcare 1-800-22-6600 atau Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor melalui drsitimariah.com/talian-suka/

Kemarau: Bekalan air cukup

SHAH ALAM - Bekalan air di Lembah Klang mencukupi dan mampu bertahan selama lapan bulan sekiranya kemarau berlaku di kawasan itu, yang dijangka pada 2025.

Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) Hasrolnizam Shaari berkata bekalan diperoleh melalui tiga kaedah seperti menerusi empangan, kolam takungan dan air bawah tanah yang

masing-masing boleh menampung penggunaan selama dua hingga empat bulan.


Beliau berkata berdasarkan tiga kaedah itu, ia mampu menyediakan bekalan air sebanyak 5,000 juta liter sehari yang bersamaan dengan jumlah pengeluaran semasa.

"Kita perlukan kerjasama dan komitmen daripada semua pihak supaya ter-

us menjaga kualiti air dengan mengelakkan sebarang insiden pencemaran," katanya pada 2 Jun.

Hasrolnizam juga berkata pembenihan awan adalah kaedah terakhir yang akan digunakan oleh pihaknya.

Beliau berkata Dasar Pelepasan Sifar (ZDP) dijangka dilaksanakan selewat-lewatnya Ogos depan namun ia tertakluk kepada Kerajaan Negeri. - BERNAMA



LANTIK... Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj (dua,kiri) berkenan menerima menghadap Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dato' Dr Mohd Roslan Sulaiman di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam pada 2 Jun. Baginda dipersembahkan watak lantikan semula sebagai canselor UPM oleh Yang di-Pertuan Agong berkuat kuasa 1 April hingga 31 Mac 2029. Foto Facebook Selangor Royal Office

Tindakan segera selepas aduan

Kamera pintar, dron atasi isu jalan raya

Oleh **NUR AISHAH MOHD AMIN**

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan memperluas Sistem Pengurusan Aset Jalan Pintar menggunakan teknologi baharu bagi mengatasi masalah berkaitan jalan raya di negeri ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kamera pintar, dron dan teknologi cerapan kecerdasan buatan (AI) digunakan supaya tindakan segera dapat diambil dengan lebih berkesan.

Beliau menjelaskan hasil cerapan

dan analisis data akan disepadu dalam sistem berpusat supaya tindakan segera dapat diambil berkesan, malah pengguna jalan raya juga boleh membuat aduan.

"Hasilnya, pengurusan jalan negeri kelak akan lebih berkesan, menyeluruh dan berkonsep penyelesaian masa nyata (real-time solution). Setakat ini, Jabatan Kerja Raya (JKR) akan memanfaatkan teknologi ini," katanya pada 3 Jun.

Menjelaskan ikhtiar itu selaras matlamat negeri pintar, Amirudin berkata sistem berkenaan bukan saja meningkatkan kualiti perkhidmatan

kepada rakyat, bahkan ia membuktikan kesungguhan negeri mendepani perubahan zaman.

Dalam Belanjawan Selangor 2022, sebuah sistem baharu dalam talian dibangunkan Selgem Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri, bagi mencerap data antaranya jalan berlubang, garisan pudar dan kerosakan lain secara pantas.

Selain itu, peruntukan RM138.13 juta kepada JKR turut diluluskan bagi melaksanakan projek jalan raya bagi merapatkan jurang antara daerah dengan meluaskan lagi jaringan sedia ada.

Syarikat e-dagang untung RM7 bilion

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memuji inisiatif anak Selangor dalam bidang e-dagang automotif yang berkembang maju hingga mencatat keuntungan RM7.3 bilion.

Merasmikan Carsome PJ Automall di Petaling Jaya pada 7 Jun, beliau berkata syarikat tersebut kini berkembang menjadi platform e-dagang kereta bersepadu terbesar di Asia Tenggara.

Beliau menambah Kerajaan Negeri akan meneruskan dasar mesra perniagaan selain mengalu-alu kehadiran pelabur untuk memacu pembangunan dan merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri.

"Ini akan membantu mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk selain mengukuhkan Selangor sebagai hab ekonomi Malaysia," katanya menerusi Twitter pada 8 Jun.

Sementara itu, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam Ng Sze Han berkata Selangor sentiasa menggalakkan pelaburan baru sama ada dalam dan luar negara yang berpotensi menjana ekonomi negeri.

"Ratusan ribu syarikat kecil dan sederhana bersaing secara kompetitif dengan idea segar dan baru seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi Selangor," katanya di Facebook.

Karnival bantuan baharu 19 Jun

SHAH ALAM - Karnival Jelajah Iltizam Selangor Penyayang (ISP) bagi mempromosi inisiatif kebajikan rakyat dijadual semula di Hulu Langat pada 19 Jun.

Menurut Menteri Besar Selangor (Permerbadanan) atau MBI, program melibatkan 23 anak syarikat negeri akan diadakan di Padang MPAJ, Taman Kosas bermula 7.30 pagi hingga 5 petang.

"Agensi ini akan menguar-uarkan insentif disediakan kepada pengunjung. Contohnya Permodalan Negeri Selangor Berhad dan Lembaga Perumahan Selangor akan menerangkan berkenaan Rumah Selangorku.

"Pendaftaran untuk semua inisiatif negeri juga dibuka seperti pinjaman Hijrah dan bantuan Yayasan Warisan Anak Selangor untuk memudahkan penduduk membuat permohonan," kata pemerbadanan itu pada 3 Jun.

Insentif haji negeri mula diagih

GOMBAK - Agihan Insentif Haji Muassasah 2022 kepada bakal jemaah bermula 1 Jun, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan agihan itu diselenggarakan Menteri Besar Selangor (Permerbadanan) atau MBI menerusi Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri atau Parlimen.

"Permohonan sudah dibuka sejak 23 Mei dan kita sedang mengumpul data untuk diteliti. Agihan insentif ini secara tunai atau bank, bergantung kepada permintaan jemaah," katanya.

Pemohon yang layak akan menerima tunai RM500 serta kit diri mengandungi beg, cecair nyahkuman, losyen, pelembap bibir, tuala muka dan tisu basah.

RM5,000 untuk maahad tahfiz

SUBANG JAYA - Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan RM5,000 kepada Maahad Tahfiz An-Nur (MATAN) di Taman Puchong Intan di sini.

EXCO Modal Insan Mohd Khairuddin Othman berkata RM4,000 sumbangan dalam bentuk wakaf al-Quran manakala bakinya bagi menampung keperluan asas maahad itu.

"Program modal insan sebelum ini banyak memfokuskan kepada menyantuni anak yatim dan rumah kebajikan kemudian tahun ini Kerajaan Negeri mahu mendekati pelajar tahfiz.

"Semoga dengan sumbangan ini sedikit sebanyak ia dapat membantu pihak pengurusan tahfiz melahirkan modal insan yang cemerlang dan seterusnya menjadi masyarakat madani di Selangor," katanya pada 7 Jun.

Bangun ladang kurang kos import

SHAH ALAM - Selangor sedia menjadi pelopor tanaman jagung bijirin bagi kegunaan makanan ayam serta ternakan haiwan ruminan sekali gus mengurangkan kebergantungan import.

EXCO Pertanian dan Industri Asas Tani Ir Izham Hashim berkata pelbagai usaha di-buat antaranya menjalin kerjasama dengan negeri lain untuk membangkan tanah bagi tanaman jagung bijirin.

"Kita sudah bekerjasama dengan Negeri Sembilan. Kita ada 700 ekar tanah iaitu 400 ekar di Negeri Sembilan dan 300 ekar di Selangor, malah jika ada 10,000 ekar tanah untuk buat ladang sekali pun masih tidak cukup.

"Kita akan minta kerjasama dengan negeri lain yang bersedia dan kita akan bantu tanam jagung bijirin. Pihak yang mahu bekerjasama dengan Selangor tidak perlu bimbang kerana ayam tidak berkurangan," katanya pada 2 Jun.

Pada 18 Mei, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Menteri Besar Negeri Sembilan (Pemerbadanan) atau MBINS untuk kerjasama tanaman jagung bijirin.

14,000 ayam untuk jualan murah

KUALA SELANGOR - Sebanyak 14,000 ekor ayam disediakan dalam program jualan murah Selangor sejak 3 Jun, kata EXCO permodenan pertanian.

Ir Izham Hashim berkata Kerajaan Negeri juga berusaha meningkatkan jumlah ayam bagi mencapai sasaran 20,000 ekor sehari.

"Bila kita kira balik ia lebih mahal dari harga siling, harga siling RM8.90 sekilogram tetapi Thailand dah RM10 jadi tiada keperluan untuk import.

"Kerajaan Negeri akan mencari pembekal ayam tempatan bagi memenuhi sasaran jualan 20,000 ekor sehari. Kita yakin jumlah itu dapat dicapai dalam tempoh terdekat," katanya pada 2 Jun.

Pada 27 Mei, Izham memaklumkan jumlah ayam untuk jualan murah pada Jun ditingkatkan dari 10,000 kepada 20,000 ekor sehari.

Beliau menjelaskan peningkatan 10,000 ekor ayam berbanding perancangan awal itu disebabkan permintaan tinggi di Selangor.

Dana RM300,000 untuk pesta buku

KUALA LUMPUR - Kerajaan Negeri menyumbang dana berjumlah RM300,000 sebagai sokongan terhadap penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2022.

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) Datin Paduka Mastura Muhamad berkata dana itu hasil kutipan 19 syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang dihimpunkan di Pavilion Selangor.

"Kita menjadi negeri tamu termasuk salah satu pihak yang menaja PBAKL kali ini. Sebab itu penganjur menyediakan ruang luas untuk tem-

patkan agensi bagi memberi penerangan kepada pengunjung," katanya pada 5 Jun.

Terdahulu, EXCO Hal Ehwal Pengguna Mohd Zawawi Ahmad Mughni menyampaikan cek cura kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengelola PBAKL Mohd Khair Ngadiron pada 4 Jun.

Penyerahan itu turut disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri Pendidikan Datuk Dr Radzi Jidin.

Agensi terlibat seperti Menteri Be-

sar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI, Tourism Selangor, KDEB Waste Management (KDEBWM), Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) dan Perbadanan Adat dan Warisan Negeri Selangor.

Agensi lain meliputi Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC), Yayasan Selangor, Universiti Selangor (Unisel) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis).

PBAKL 2022 kembali dianjurkan selepas dua tahun tertangguh akibat Covid-19 dan menyasar kehadiran sehingga sejuta pengunjung selama 10 hari berlangsung.

MB saran buku terjemahan IBDE

Galak belia telaah bahan bacaan serius

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

KUALA LUMPUR - Golongan muda digalak membaca bahan bacaan serius tanpa rasa takut dengan ketebalan buku berkenaan, saran Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata buku terjemahan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) berjudul 'Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal' antara bahan bacaan yang sesuai untuk dihayati.

"Membaca buku tidak merugikan kita walau apa pun jenis buku itu. Ada bahan bacaan ringan dan juga yang 'berat' tetapi saya nak saran jangan ta-

kut untuk baca bahan yang 'berat'.

"Kadangkala buku yang 'berat', tebal ini menjadi ketakutan dan mungkin fobia untuk membaca tetapi saya tertarik dengan buku Muhammad hasil karya Martin Lings. Biografi yang menyeluruh mencatat kisah perjalanan awal dari kecil hingga selepas kematian Baginda," katanya pada 6 Jun.

Beliau ditanya jenis tema buku yang sesuai dibaca golongan muda pada program Sepetang Bersama Dato' Menteri Besar Selangor di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2022 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur 6 Jun.

IBDE menerima geran daripada Kerajaan Negeri untuk menjayakan ke-

giatan penterjemahan buku pelbagai genre antaranya agama, sejarah dan falsafah menerusi projek Siri Pencerahan Selangor.

Amirudin menjelaskan buku yang diterjemah Ketua Pengarang IBDE Al-Mustaqeem Mahmod Radhi dan Pengarah Eksekutifnya Farhan Afandi sejak dari 2018 sebelum siap sepenuhnya pada 2020 terjual lebih 15,000 naskhah dalam dua kali cetakan.

Buku asal mengandungi 362 muka surat manakala terjemahan bahasa Melayu setebal 496 halaman meliputi 85 bab. Dicitak kulit keras, rekaannya berkonsep minimalis, sesuai cita rasa peminat buku masa kini.

3,000 tamat kelas asas 14 bahasa

KUALA LUMPUR - Seramai 2,966 daripada 4,216 peserta kelas asas 14 bahasa berjaya menamatkan pembelajaran sejak program itu diperkenal Julai tahun lepas.

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) berkata kelas Language Discovery secara maya disertai individu berusia lima tahun hingga dewasa dengan bayaran serendah

RM10 sejam untuk satu bahasa.

"Kelas dibuat mengikut kategori kanak-kanak lima hingga tujuh tahun, diikuti lapan hingga 12 tahun serta remaja yang digabungkan bersama dewasa. Tempoh pembelajaran selama tiga bulan bagi setiap penggal dengan peserta boleh memilih mana-mana bahasa yang mereka minati.

"Seramai 49 daripada 265 kakitangan

PPAS terlibat dalam mengendalikan platform Zoom secara sukarela dan sama-sama mempelajari bahasa yang diajar tutor profesional," kata Datin Paduka Mastura Muhamad pada 5 Jun.

Antara bahasa ditawarkan Mandarin, Perancis, Arab, Turki, Jerman, Jepun, Rusia, Itali, Belanda, Korea, Tamil, Inggeris, Bahasa Melayu untuk warga asing dan Jawa.

WAKTU SOLAT

9 - 15 JUN 2022
2 - 15 ZULKAEDAH 1443

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
09 Khamis	5:40	5:50	7:01	1:15	4:41	7:24	8:40
10 Jumaat	5:40	5:50	7:01	1:15	4:41	7:24	8:40
11 Sabtu	5:40	5:50	7:01	1:16	4:41	7:25	8:40
12 Ahad	5:40	5:50	7:01	1:16	4:42	7:25	8:40
13 Isnin	5:41	5:51	7:01	1:16	4:42	7:25	8:41
14 Selasa	5:41	5:51	7:02	1:16	4:42	7:25	8:41
15 Rabu	5:41	5:51	7:02	1:16	4:42	7:26	8:41

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:41	5:51	7:04	1:16	4:41	7:24	8:40
	5:41	5:51	7:04	1:16	4:41	7:24	8:40
	5:41	5:51	7:04	1:16	4:42	7:25	8:40
	5:41	5:51	7:04	1:16	4:42	7:25	8:40
	5:41	5:51	7:04	1:17	4:42	7:25	8:41
	5:42	5:52	7:05	1:17	4:42	7:25	8:41
	5:42	5:52	7:05	1:17	4:43	7:26	8:41

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:41	5:51	7:04	1:18	4:43	7:27	8:42
	5:41	5:51	7:04	1:18	4:43	7:27	8:42
	5:41	5:51	7:04	1:18	4:44	7:27	8:43
	5:41	5:51	7:04	1:18	4:44	7:27	8:43
	5:42	5:52	7:04	1:18	4:44	7:28	8:43
	5:42	5:52	7:05	1:19	4:44	7:28	8:43
	5:42	5:52	7:05	1:19	4:45	7:28	8:44



Petugas kesihatan melakukan pemeriksaan mata ke atas peserta program Selangor Saring di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Yoke Kuan, Sekinchan, Sabak Bernam pada 5 Jun. Foto REMY ARIFIN

Lima lokasi periksa kesihatan percuma

SHAH ALAM - Orang ramai dipelawa membuat pemeriksaan kesihatan percuma anjuran Kerajaan Negeri di lima lokasi pada 11 dan 12 Jun bagi mencegah penyakit tidak berjangkit.

Program Selangor Saring antara 9 pagi hingga 5 petang membabitkan lima Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Lembah Jaya, Bukit Antarabangsa, Sijangkang, Sungai Burong dan Permatang.

Penduduk DUN Lembah Jaya dan Bukit Antarabangsa boleh hadir di Padang Taman Kosas Ampang pada 11 Jun untuk menjalani pemeriksaan itu dengan mendaftar menerusi aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SE-Langkah).

Bagi DUN Sijangkang, saringan dijalankan di Dewan Wawasan Kampung Medan manakala DUN Sungai Burong serta Permatang di Dewan Orang Ramai Kampung Seri Tiram Jaya, kedua-duanya pada 12 Jun.

Kerajaan Negeri memperuntuk RM3.4 juta bagi menjayakan Selangor Saring yang bakal memanfaatkan 39,000 penduduk khususnya yang ada sejarah perubatan keluarga, obesiti dan gaya hidup tidak sihat.

Program mulai 22 Mei hingga 4 September menawarkan saringan fizikal, ujian darah dan air kencing, mata, pangkal rahim dan kanser payudara, ujian darah najis okulta atau kolorektal serta prostat.

Sasar lebih 9,000 pengunjung

Tawar ribuan peluang kerja

Oleh SHEEDA FATHIL

SUBANG JAYA - Karnival Kerjaya Mega berlangsung di Shah Alam hujung minggu ini dijangka mendapat sambutan baik dengan sasaran lebih 9,000 pengunjung.

EXCO pembangunan generasi muda berkata ramai orang diyakini akan hadir untuk mengambil peluang mengisi 20,000 kekosongan jawatan ditawarkan oleh lebih 100 syarikat pelbagai sektor.

"Alhamdulillah persediaan karnival berjalan lancar setakat ini kira-kira 102 majikan telah berdaftar untuk menyertai program tersebut dan kita jangka keseluruhan 115 majikan terlibat.

"Menariknya, kali ini agensi Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) juga turut bersama dengan menawarkan pelbagai kekosongan jawatan," kata Mohd



Khairuddin Othman pada 7 Jun.

Karnival Kerjaya Mega dijadual berlangsung pada 11 dan 12 Jun di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Karnival anjuran Kerajaan Negeri bermula 9 pagi

hingga 5.30 petang diadakan secara fizikal.

Syarikat terlibat antaranya Kumpulan Perangsang Selangor, Daikin Malaysia Sdn Bhd, DHL Express, DRB Hicom Berhad, Giant Malaysia dan Malayan Banking Berhad.

Agensi lain meliputi Media Prima Digital, Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd (Proton), Prasarana Malaysia Berhad, Shopee Malaysia, Sport Direct MST Sdn Bhd dan Toyota Auto Body Malaysia Sdn Bhd.

Untuk maklumat lanjut, layari www.SelangorJobportal.com.my

TAMANSARI

RAWANG

GAYA HIDUP BERSENI

PEGANGAN KEKAL

Dahlia

RUMAH TERES 2-TINGKAT

- Harga Jualan Dari RM726,000*
- Unit Bumiputera Dibuka Untuk Jualan
- 7% Diskaun Bumiputera
- Berpagar dan Kejiranan Berpengawal

LAKARAN ARTIS
* TERTAKLUK PADA TERMA DAN SYARAT

PEMAJU: PINGGIR MENTARI SDN. BHD. (939134-H)

03 2727 7550 | WWW.TAMANSARI.BRDB.COM.MY

TAMANSARI BRDB SALES GALLERY **BRDB**

Pemaju: Pinggir Mentari Sdn. Bhd. (939134-H) • Jenis Perumahan: Rumah Teres 2 Tingkat • No. Lesen Pemaju Perumahan: 13819/02-2022/0078(R) • Tempoh Sah: 06/02/2022 - 05/02/2027 • No. Permit Iklan dan Jualan: 13819-3/02-2023/0058(K)-S • Tempoh Sah: 06/02/2022 - 05/02/2023 • Badan Pengesahan: Majlis Perbandaran Selangor • No. Pengesahan Pelan Bangunan: MPS3/2-1373/1499(OSC3.0) PBAJF2A • Persewaan Tanah: Pegangan Kekal • Sekatan Tanah: Tiada • Harga Jualan: RM729,000 (Minimum) Hingga RM1,013,000 (Maksimum) • Jumlah Unit: 178 (Fasa 2A) • Tarikh Dijangka Siap: April 2023 • 7% Diskaun Bumiputera. * Tertakluk pada Terma dan Syarat. IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERLIMAHAN NEGARA.

Wujud pelabuhan produk halal

KUALA LUMPUR - Kerajaan Negeri ber-cadang mewujudkan pelabuhan halal yang berfungsi mengendalikan produk dalam tempoh lima tahun akan datang.

EXCO Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni menjelaskan perancangan berkenaan terkandung dalam pelan utama Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac).

"Ia bukan sekadar mengurus produk halal malah termasuk sistem kewangan patuh syariah untuk beri kemudahan kepada pengimport dan pengeksport menjalankan aktiviti ekonomi yang bersifat halal.

"Dalam tempoh empat ke lima tahun ini, ada dua tempat dalam dunia yang mewujudkan pelabuhan halal iaitu Rotterdam, Belanda dan Dubai, UAE," katanya pada 4 Jun.

Terdahulu, beliau menjadi panel forum 'Perkongsian Dasar Pengguna dan Industri Halal Selangor' di Pavilion Selangor menerusi Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2022 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur di sini.

Mohd Zawawi menambah pihaknya akan mempelajari kaedah dan pelaksanaan penubuhan pelabuhan dari kedua-dua negara itu kelak.

Kerjasama Lulu Hypermarket, ST Rosyam Mart

Bantu usahawan pasar produk

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Sebanyak 118 produk usahawan ditampilkan dalam program Jualan Pasaraya Ekspo Antarabangsa Selangor (SIE) Makanan dan Minuman (F&B) di Lulu Hypermarket Setia City Mall dan ST Rosyam Mart Seksyen 9 di sini.

Produk berkenaan meliputi 25 usahawan dalam Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2022 anjuran Invest Selangor, menurut ketua pegawai eksekutifnya.

Dato' Hasan Azhari Idris menjelaskan penganjuran program berkenaan sebahagian usaha membantu usahawan terlibat dalam ekspo yang berlangsung Oktober depan.

"Kita berharap dengan adanya program seperti ini dapat menarik peserta

atau usahawan industri kecil dan sederhana untuk turut serta dalam ekspo supaya dapat memperluas pasaran.

"Setakat ini, sambutan menggalakkan dan kita ber-cadang bekerjasama dengan beberapa pasar raya lain dalam membantu promosi produk usahawan," katanya pada 4 Jun.

Program Jualan Pasaraya berlangsung 10 hari sehingga 5 Jun membawa pelbagai produk daripada 15 usahawan antaranya bahan masakan kasar seperti cili dan bawang, sambal hijau dan teh herba daun kelapa sawit.

SIBS 2022 menawarkan 850 tapak pameran sepanjang program yang berlangsung pada 6 hingga 9 Oktober

depan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Sementara itu, pengarah Wonder Gourmet Sdn Bhd berkata semua produk keluaran syarikatnya mendapat pengesahan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Norman Chow berkata pengguna di negara ini tidak perlu ragu mengenai status halal sos Jepun yang dibekal syarikat berkenaan.

"Ekspo Antarabangsa Selangor (SIE) makanan dan minuman (F&B) anjuran Invest Selangor memberi peluang untuk usahawan menarik pelanggan muslim.

"Pengguna muslim tidak perlu kluatir kerana semua produk kita mendapat pengesahan daripada Jakim," katanya.



SAMBUTAN ULANG TAHUN

BANDAR RAYA PETALING JAYA

MERANGSANG EKONOMI MENSEJAHTERA KOMUNITI

9 JUN - 16 JULAI 2022

SILA IMBAS QR KOD INI

**Sebarang pindaan tertakluk kepada urus setia program*

ULANGTAHUN

BANDAR RAYA PETALING JAYA
#PJKitaMemacuDayaGemilang

Jom Sertai

PROGRAM MENARIK MENANTI ANDA!

www.mbpj.gov.my | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | pjcouncil

Persembah kepada Sultan untuk perkenan

Batik bunga tanjung pakaian acara rasmi

Oleh SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Batik Selangor bermotif bunga tanjung bakal digunakan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), wakil rakyat dan penjawat awam dalam acara rasmi negeri.

EXCO Kebudayaan dan Warisan Borhan Aman Shah berkata cadangan itu akan dipersembah kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj untuk mendapat perkenan.

"Kita cadang bawa kertas dan persembahkan kepada DYMM Sultan bagi mendapat perkenan Baginda kemudian dibawa ke sidang Dewan Negeri Selangor untuk pewartaan sekali gus dijadikan pakaian rasmi negeri," katanya pada 2 Jun.

Beliau turut bercadang untuk me-

masarkan Batik Selangor supaya ia lebih dikenali dan dipakai semua lapisan masyarakat pada masa depan.

"Batik bermotif bunga tanjung akan dipasarkan di kios muzium sekitar Selangor untuk dibeli pelancong dalam atau luar negara sama ada sebagai cenderahati atau dipakai sendiri," katanya.

Terdahulu, Borhan merasmikan Bengkel Sehari Mencanting dan Merwarna Batik Selangor Motif Bunga Tanjung di Muzium Sultan Alam Shah di sini.

Sementara itu, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) bekerjasama dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk meng-



hasilkan 12 meter batik negeri bermotif bunga tanjung.

Borhan berkata seramai 30 pelajar UiTM menyertai bengkel dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

"Hasil kerja tangan pelajar ini dipamerkan dalam tempoh terdekat. Tujuannya untuk memperkenalkan bunga tanjung sebagai bunga rasmi negeri kepada masyarakat awam.

"Ia juga untuk memberi pendedahan kepada semua lapisan masyarakat dalam bidang pembuatan batik," katanya.

Beliau menambah PADAT berusaha menjadikan bunga tanjung lambang identiti setiap rekaan rasmi antaranya pakaian batik, produk seni reka hiasan dalaman dan cenderamata korporat.

Lancar lima benih tanaman

KUALA SELANGOR - Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin berkenan melancarkan benih tanaman di Selangor Fruit Valley (SFV) di sini pada 2 Jun.

Tanaman tersebut meliputi dua jenis melon (rangup dan manis), dua jenis jagung (bijirin dan manis) serta betik yang dihasilkan oleh syarikat Green World Genetics Sdn Bhd.

EXCO permodenan pertanian berkata Baginda turut berkenan memilih beberapa cadangan nama seperti Melon Selangor atau MeloSel untuk jenis rangup manakala jenis manis dinamakan sebagai Selangor Sweet Melon.

"Jagung bijirin untuk makanan binatang pula dinamakan Grainsel, jagung manis Selangor Sweet Corn Jagung dan betik pula Selangor Tropical Papaya," kata Ir Izham Hashim.

Beliau berkata pembenihan tanaman itu akan dibuat segera dan petani yang berminat boleh mendapatkannya melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

"Bagi betik kita akan lakukan di Sungai Air Tawar, jagung di Bukit Changgang dan melon kita akan lakukan di banyak tempat termasuk di SFV," katanya lagi.

UNIT BUMIPUTERA, PAKEJ ISTIMEWA UNIT TERHAD

Potongan Harga Bumiputera

AMAN 1
TROPICANA URBAN HOMES

Kondominium
870 & 1,000 Kaki Persegi

ELEMEN
RESIDENCES

Rumah Teres 2 Tingkat
26' x 80'

TRIANA
2 & 3-Storey Shop Offices

Kedai Pejabat
24' x 70' / 35' x 70'

1700 81 8868
tropicanaaman.com.my

TROPICANA AMAN PROPERTY GALLERY
No. 2, Persiaran Aman Perdana 3,
Bandar Tropicana Aman, 42500 Telok
Panglima Garang, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

Elemen : Pemaju: Tropicana Aman Sdn. Bhd. (1030655-A) • Alamat Pemaju: Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No. 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. • No. Lesen Pemaju: 14012-6/11-2022/03261(LL) • Tempoh Sah: 19/11/2021 - 18/11/2022 • No. Permit Iman dan Jualan: 14012-6/11-2022/03261(P) • Tempoh Sah: 19/11/2021 - 18/11/2022 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Daerah Kuala Langkat • No. Rujukan Pelan Bangunan: MDKJ/KB/24/13321(1) • Tarikh Dijangka Siap: Oktober 2023 • Pegangan Tanah: 99 Tahun (Tarikh Luput: 09/11/2110) • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan: Rumah Teres 2 Tingkat • Jumlah Unit: 233 Unit (Jenis A: 56 Unit; Jenis A1: 20 Unit; Jenis A2: 10 Unit; Jenis B: 107 Unit; Jenis B1: 20 Unit; Jenis B2: 20 Unit) • Jumlah Baki Unit: Jenis A - 5 Unit; Jenis A1 - 3 Unit; Jenis A2 - 5 Unit; Jenis B - 3 Unit; Jenis B1 - 3 Unit; Jenis B2 - 3 Unit • Harga Jualan Baki Unit: Jenis A: RM1,815,800 (Min.) - RM1,921,800 (Maks.); Jenis A1: RM1,969,800 (Min.) - RM2,170,800 (Maks.); Jenis A2: RM2,117,800 (Min.) - RM2,664,800 (Maks.); Jenis B: RM1,532,800 (Min.) - RM1,736,800 (Maks.); Jenis B1: RM1,729,800 (Min.) - RM2,204,800 (Maks.) • Keluasan Bangunan Baki Unit: Jenis A: 3,056.30kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89kps (Min & Maks.); Jenis B1: 3,142.31kps (Min & Maks.); Jenis B2: 3,142.31kps (Min & Maks.) • 7% Diskaun Bumiputera • Sekatan-sekatan Kepentingan: Tanah ini boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

Aman 1 & Triana : Semua ilustrasi adalah gambaran artis sahaja. Maklumat-maklumat yang terkandung dalam iklan ini tertakluk pada variasi, pengubahsuaian dan penggantian yang diperlukan oleh pihak berkuasa atau disyorkan oleh arkitek, jurutera atau perunding. Walaupun segala langkah berjaga-jaga telah diambil kira dalam penyediaan maklumat ini, ia tidak boleh menjadi sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Tertakluk pada terma dan syarat. * Tertakluk pada terma & syarat

Ambil pandangan laksana dasar wanita

SUBANG JAYA - Pandangan dan idea yang dilontar dalam program Mekar Kasih Ibu Tunggal Selangor pada 2 Jun bakal menjadi intipati pelaksanaan pelan tindakan Dasar Wanita Selangor 2022-2025.

EXCO pembangunan wanita dan keluarga berkata segala cadangan melibatkan aspek pembangunan ekonomi, kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan bagi membantu golongan itu menjalani kehidupan lebih baik.

"Pandangan mereka berdasarkan pengalaman. Jadi, Kerajaan Negeri akan teliti supaya dapat menghasilkan dasar menyeluruh seterusnya membantu mereka.

"Menerusi program ini, kita dapat kumpul data ibu tunggal sekali gus membolehkan bantuan disalurkan mengikut keperluan," kata Dr Siti Mariah Mahmud.

Berhemah guna laman sosial

KLANG - Penghulu dan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di negeri ini diseru menggunakan media sosial secara berhemah dalam menyalur maklumat atau pandangan.

EXCO Pembangunan Luar Bandar dan Kampung Tradisi Borhan Aman Shah berkata perubahan pantas teknologi menuntut mereka menjadi lebih bijak dalam menilai dan menapis segala maklumat.

"Kita boleh mengakses apa-apa maklumat di hujung jari pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Justeru, saya menyeru agar menggunakan saluran yang betul dalam mengutarakan pendapat.

"Saya percaya anda sentiasa bersedia menerima perkara diutarakan, apatah lagi sekiranya ia dapat membantu memperbaiki penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri," katanya pada 5 Jun.

JKNS tunggu hasil siasatan SPRM

SHAH ALAM - Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) menunggu hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebelum mengambil sebarang tindakan susulan kakitangannya dikaitkan dengan rasuah urus jenazah.

Pengarahnya Dato' Dr Sha'ari Ngadiman menjelaskan bentuk tindakan sama ada diberhenti kerja atau apa jua bentuk hukuman lain bergantung kepada siasatan itu.

"Kita ada enam pegawai yang ditahan SPRM dan akan lihat langkah selanjutnya akan diambil suruhanjaya itu.

"Sebaik SPRM maklum, bawa ke mahkamah dan ada keputusan. Kita akan tentukan nanti (tindakan). Setakat ini mereka masih ditahan," katanya pada 1 Jun.

Raja Azura rindu kembali ke konti

SHAH ALAM - Pengalaman 10 tahun sebagai penyampai Sinar FM antara kenangan indah buat artis Raja Azura atau lebih dikenali Kak Engku sepanjang menceburi dunia seni.

Selangorkini edisi 16-22 Jun akan menyiarkan luahan perasaan ibu tiga anak itu dalam menghiburkan pendengar saluran radio yang memutarakan lagu-lagu malar segar.

Meski lebih lima tahun meninggalkan konti, ingatan Raja Azura di konti masih kuat berbekas. Beliau juga tidak melepaskan peluang menyanyi apabila lagu kegemarannya dimainkan.

Tidak dapat disiarkan pada minggu ini, sisipan Pancawarna akan memaparkan pengalaman Muhammad Syukri Zulkifli yang meraih pingat emas dalam acara menembak pada Sukan Malaysia 2016.

Mengakui fokus terganggu serta ketahanan badan menjadi lemah, atlet Selangor itu mengeneipkan rasa tidak selesa ketika beraksi di pentas kebangsaan pada usia 16 tahun bagi mengungguli kategori 50 meter (m) rifle prone berpasukan lelaki.

Penembak kelahiran Kuala Terengganu yang membesar di Subang Jaya turut membidik pingat perak menerusi acara 50m air rifle individu lelaki dalam penyertaan kali kedua pada

temasya yang sama.

Atlet berkenaan mula menyertai pertandingan menembak pada umur 13 tahun, mengikut jejak kakaknya Nur Syahirah yang terlebih dahulu bergiat dalam sukan berkenaan.



Bakal terima geran laksana pelbagai program

Gabung persatuan ibu tunggal negeri

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SUBANG JAYA - Selangor menubuhkan Gabungan Persatuan Ibu Tunggal bagi membantu meningkatkan potensi golongan berkenaan.

EXCO Pembangunan Wanita dan Keluarga Dr Siti Mariah Mahmud berkata inisiatif itu diperluas ke seluruh Dewan Undangan Negeri (DUN) berikutan manfaatnya besar.

"Gabungan ini akan jalin kerjasama

strategik dengan Pusat Wanita Berdaya. Mereka juga bakal menerima geran sekali baya untuk melaksanakan pelbagai program sesuai," katanya pada 2 Jun.

Terdahulu, beliau melancarkan penubuhan gabungan berkenaan ketika merasmikan program Mekar Kasih Ibu Tunggal Selangor 2022 di sini.

Dr Siti Mariah berharap supaya ke-



lab dan persatuan ibu tunggal negeri ini memberi tumpuan kepada fasa konflik, pemulihan serta pemeraksanaan yang dihadapi ahlinya.

"Cabaran semua fasa ini berbeza dan memerlukan sokongan berlainan. Jadi dengan hala tuju jelas, ia memberi manfaat serta pembangunan masa depan anak lebih cerah," katanya.

Dua lagi kampung dapat dana

KLANG - Dua Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Tradisi baharu ditubuhkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Melawati, kata wakil rakyatnya.

Juwairiya Zulkifli berkata pengisytiharan MPKK Kampung Teluk Piai dan Tanjung Keramat pada Januari lalu memudahkan usaha membela kebajikan penduduk di kawasan berkenaan.

Katanya, penduduk kedua-dua penempatan itu sebelum ini kurang mendapat perhatian terutama kemudahan prasarana berikutan peruntukan tidak mencukupi untuk menampung kepadatan penduduk bawah pentadbiran MPKK Kampung Permatang.

"Saya angkat isu ini kepada perhatian Kerajaan Negeri kerana kampung berkenaan sewajarnya ada ketua kampung, peruntukan dan pengurusan tersendiri

"Dengan kewujudan MPKK baharu, mereka akan memiliki pengurusan dan peruntukan masing-masing tanpa perlu berkongsi kemudahan awam yang berada jauh antara satu sama lain," katanya pada 5 Jun.

Juwairiya yang juga setiausaha politik Dato' Menteri Besar juga menjelaskan dua kampung secara geografi terletak di seberang Sungai Selangor sekali gus terpisah dengan Kampung Permatang

Terdahulu, EXCO pembangunan luar

bandar dan kampung tradisi merai 373 pengerusi dan penghulu MPKK bertujuan mengiktiraf peranan mereka di kawasan masing-masing.

Borhan Aman Shah berkata mereka banyak berjasa dalam mengekang penularan Covid-19 sejak dua tahun lalu selain membantu mangsa banjir akhir Disember tahun lalu.

"Mereka menjadi sebahagian petugas hadapan dengan membantu menyampaikan maklumat serta perkhidmatan Kerajaan Negeri.

"Segala pengorbanan dari segi masa, tenaga dan wang ringgit diberikan kepada penduduk kampung amat dihargai," katanya.



Nam Ron cuci pinggan cari duit

Membintangi lebih 80 filem dan drama. Lima filem arahnya merupakan naskah skrip sendiri. Menang pelbagai anugerah termasuk pengarah terbaik Festival Filem Antarabangsa Asean 2019 dan Festival Filem Malaysia.

Namun, tiada siapa tahu penggiat seni termama ini dahulunya mempunyai masalah pembelajaran. Malah ketika berusia 15 tahun pun masih belum dapat membaca dengan lancar.

Wartawan NAZLI IBRAHIM menemu bual Nam Ron di kediamannya di Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya pada 17 Mei.

Mengimbau liku perjalanan yang membawa beliau ke bidang teater dan filem, Nam Ron, 53, tidak sesekali lupa akan Allahyarhamah Cikgu Noraini, individu yang paling banyak membantunya saat remaja.

Ketika itu pemilik nama sebenar Shahili Abdan di tingkatan tiga. Oleh kerana masih belum lancar membaca, Cikgu Noraini kerap menyuruhnya ke hadapan kelas untuk membaca puisi.

Selain masalah pembelajaran, beliau gemar menyendiri dengan memerhati gelagat orang sekeliling hingga membawa kepada pelbagai persoalan kehidupan dalam diri. Namun, banyak perkara bermain di mindanya tidak dapat diluahkan kerana tidak tahu bagaimana mengekspresikan pendapat.

Lantaran kerap membaca puisi, beliau mula menulis untuk meluahkan fikiran tetapi hanya untuk dirinya sendiri. Sungguhpun begitu, puisinya pernah dibacakan dalam Radio Tiga Kangar. Ia benar-benar memberi kepuasan kepada Nam Ron.

Masa lapang di luar waktu sekolah pula dihabiskan menonton wayang bersendirian. Tidak mengira filem Melayu, Inggeris, Hindustan atau Cina, asalkan menonton wayang.

Lama kelamaan hobi menonton wayang menimbulkan keinginannya berkongsi cerita

dan pemikiran kepada masyarakat melalui medium hiburan.

“Bila suka tengok wayang, timbul rasa mahu bercerita apa yang saya perhati, apa berlaku keliling saya tetapi tidak ada saluran. Saya mula dengan menulis puisi tetapi untuk sendiri sahaja. Ia seperti terapi dan saya rasa ada suara.

“Sehingga 1989, umur sudah 20 tahun saya jumpa kumpulan teater dinamakan Aksi, saya rasa boleh jadi satu medium untuk berkongsi cerita. Di situlah mulanya,” katanya.

Dua tahun bersama Aksi, hajat Nam Ron masih tidak kesampaian. Akhirnya beliau bersama seorang rakan menubuhkan kumpulan teater sendiri, Sebatu.

“Sepanjang dua tahun dalam Aksi, saya banyak jadi pelakon tambahan kerana kurang keyakinan diri, gemuruh, kaku sedangkan tujuan utama masuk teater ialah mahu menulis cerita sendiri apa yang berlaku keliling saya.

“Pada 1991, saya dengan seorang kawan tubuhkan kumpulan teater sendiri dinamakan Sebatu sebab jarak rumah di Kampung Sebatu dengan Kangar sebatu jauhnya,” katanya.

Belajar teater

Pada 1994, Nam Ron meninggalkan Sebatu bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang teater di Akademi Seni Budaya dan Warisan

Kebangsaan (Aswara).

Ketika di Aswara beliau lebih banyak menumpukan kepada penulisan skrip dan pengarah berikutan perasaan gemuruh yang teruk menyebabkan lakonan menjadi kaku.

Sepanjang menuntut di Aswara beliau tiada tempat tinggal tetap, sebaliknya menumpang dari satu rumah ke satu rumah kawan ekoran tiada duit mencukupi untuk menyewa bilik.

Pada hujung minggu pula, beliau bekerja sebagai pencuci pinggan di restoran bagi mendapatkan duit makan.

Walau sentiasa berhadapan dengan masalah kewangan, Nam Ron menamatkan pengajiannya pada 2000 sebelum kembali sebagai pengajar pada tahun sama. Beliau kemudiannya dilantik sebagai pensyarah pada 2005 hingga 2010.

Walau sibuk dengan tugas di Aswara, Nam Ron aktif menghasilkan skrip dan mengarah teater dan skrin. Antara karya terkenalnya *Mat Derih Kola Perlih*. Naskah itu juga membuka jalan untuk beliau membentuk diri sebagai pelakon.

“Saya dapat formula berlakon melalui pengarah. Bila kita mengarah kita bekerja dengan pelakon yang ada bakat bagus seperti Dr Rosdeen Suboh, Adlin Aman Ramlee, Khir Rahman, Que Haidar dan lain-lain.

Rumah idaman semua

Rumah Idaman antara inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu keluarga berpendapatan rendah (B40) menerusi Iltizam Selangor Penyayang (ISP).

Pada harga RM250,000, rakyat Selangor yang layak berpeluang memiliki kediaman selesa berkeluasan minimum 1,000 kaki

persegi di lokasi strategik lengkap pelbagai kemudahan seperti sekolah, hospital serta akses jalan.

Setiap unit mempunyai dua parkir, penyaman udara di tiga bilik tidur, pemanas air di dua bilik air, kabinet dapur, televisyen, peti sejuk dan almari pakaian. Ada juga pemaju menyediakan kemudahan

tambahan lain.

Wartawan **Amin Ridzuan Ishak** dan jurugambar **Remy Arifin** meninjau pelaksanaan projek itu serta menemu bual bakal pembeli dan wakil agensi pelaksana projek, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) pada 31 Mei.



Sejak mendirikan rumah tangga enam tahun lalu, Wan Mohd Harith Wan Abd Manan dan isteri, Maisarah Ramly tiga kali menyewa rumah di sekitar Shah Alam. Dikurniakan sepasang cahaya mata yang kini berusia empat dan lima tahun, keperluan untuk memiliki kediaman sendiri penting bagi mereka.

Lantas Wan Mohd Harith, 36, (**gambar kanan**) yang bekerja sebagai perunding pelaburan memulakan pencarian. Bagaimanapun, usahanya gagal kerana kebanyakan rumah di sekitar Seksyen U8, Bukit Jelutong, Shah Alam di luar kemampuannya. Seboleh-bolehnya mahu tinggal di kawasan itu untuk memudahkan beliau dan isteri ke tempat kerja.

Akibatnya impian anak kelahiran Terengganu yang menetap di Selangor sejak tamat pengajian untuk memiliki rumah sendiri terpendam. Mereka terus menyewa pangsapuri di Bukit Jelutong.

Januari lalu ketika melalui tapak pembinaan berhampiran rumahnya, Wan Mohd Harith terpandang iklan jualan projek Rumah Idaman Bukit Jelutong yang baharu dipasang. Sebaik sahaja melihat harga RM250,000, beliau terus mengisi borang pendaftaran bawah sistem

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

"Mana hendak cari harga seperti itu di Bukit Jelutong. Dekat dengan bandar Shah Alam dan ada macam-macam kemudahan. Anak saya nanti boleh berjalan kaki ke sekolah menengah yang terletak di seberang jalan sahaja.

"Kalau saya hendak pergi kerja pun mudah kerana stesen LRT (Transit Aliran Ringan) Glenmarie hanya 10 minit perjalanan sahaja. Dalam rumah pun disediakan televisyen, penyaman udara, pemanas air dan kabinet dapur," katanya yang menerima surat tawaran membeli rumah daripada LPHS.

Wan Mohd Harith gembira kerana proses pembelinya mudah. Beliau kini hanya menunggu kelulusan pinjaman bank. Sekiranya tiada aral melintang keluarganya mungkin boleh mendiami rumah sendiri dalam tempoh dua hingga tiga tahun.

Projek Rumah Idaman dilancar Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 2019 bagi membantu rakyat Selangor memiliki kediaman pertama beserta kemudahan pada harga berpatutan.

Cabaran melaksanakannya cukup besar terutama dalam mencari lokasi strategik di bandar kerana ruang tanah yang semakin terhad. Bagaimanapun, komitmen tinggi Kerajaan

Negeri menerusi MBI sebagai pelaksana projek berkenaan berjaya merealisasikannya.

"Rumah Idaman adalah aspirasi Kerajaan Negeri untuk membantu B40 dan M40 memiliki kediaman sendiri, syaratnya harus dibina di zon satu berdasarkan panduan LPHS iaitu meliputi kawasan bandar serta dekat dengan pelbagai kemudahan.

"Dato' Menteri Besar beritahu kami projek ini tidak harus mengasingkan B40 dan M40 daripada bandar yang menjadi pusat pertumbuhan ekonomi," kata Pengurus Perancangan & Pembangunan Hartanah MBI Mohd Izaidi Mohd Bakir.

Harga patut

Dengan harga berpatutan dan kemudahan bertaraf lima bintang, Rumah Idaman menjadi pilihan pembeli. Misalnya Rumah Idaman Abadi di Kajang, Hulu Langat, habis dijual dalam tempoh beberapa minggu sahaja.

Selangorkini berpeluang meninjau ke fasa satu projek itu pada 4 Jun mendapati kerja pembinaan selesai dan pemaju, Trans Loyal Development Sdn Bhd sedang melakukan kerja akhir seperti pembersihan sebelum kunci diserahkan kepada pembeli.

Kemudahan disediakan kepada pembeli seperti bangunan parkir bertingkat, kolam renang, dewan serba guna, kedai, tadika, surau, bilik pengurusan





jenazah umat Islam dan taman permainan.

Selain itu, ada 10 unit khas untuk orang kelainan upaya (OKU) yang menampilkan ciri khas seperti bilik air lebih besar dan terletak di tingkat bawah.

Kunci rumah projek yang mula dibina pada 2019 dijangka diserahkan kepada pembeli dalam masa terdekat selepas pihak berkuasa memberi kelulusan menduduki.

Permintaan tinggi juga diperoleh bagi Rumah Idaman di Bukit Jelutong. Sehingga kini, lebih 4,000 permohonan diterima sedangkan unit ditawarkan hanya 1,260 unit. Projek yang bermula tahun ini dijangka siap dalam tempoh dua hingga tiga tahun.

Projek dilaksana Nadi Emery Sdn Bhd, anak syarikat Gagasan Nadi Cergas Berhad, turut meliputi penyediaan kolam renang, gimnasium, dewan, gelanggang badminton, taman permainan, kebun komuniti, taman di bumbung dan kawasan yoga.

Kedudukannya yang strategik berhampiran pelbagai kemudahan seperti sekolah, balai bomba dan laluan seperti Lebuh raya Baru Lembah Klang (NKVE) menarik minat ramai.

Menurut Mohd Izaidi, sambutan menggalakkan membuktikan kesungguhan masyarakat untuk memiliki kediaman sendiri sebagai persediaan

masa depan. Menyedari keadaan itu, MBI menyediakan lebih banyak projek di lokasi strategik.


"Projek ini bukan semata-mata menyediakan rumah tetapi membantu penduduk membina kehidupan dengan menyediakan pelbagai kemudahan," kata Mohd Izaidi lagi.

Bina 50,000 rumah

Ketua Unit Subsidiari PNSB Construction Sdn Bhd Wan Afnizam Wan Moran (**gambar kanan**) pula menjelaskan Kerajaan Negeri meluluskan pembinaan 50,675 unit Rumah Idaman di lapan daerah. Bilangannya mungkin bertambah bergantung kepada permintaan pada masa depan.

Daripada jumlah itu, 2,059 unit disiapkan di Rumah Idaman Abadi manakala 5,000 rumah bakal dibina pada tahun ini iaitu Rumah Idaman Bukit Jelutong, Rumah Idaman Bandar Saujana Putra dan Rumah Idaman Cybersouth.

Jelas Wan Afnizam, kesemua rumah itu mampu disiapkan dalam dua hingga tiga tahun sekali gus menambah jumlah rumah mampu milik kepada rakyat yang layak.



Rumah Idaman menerusi ISP membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri membela rakyat. Manfaatnya dapat dinikmati keluarga Wan Mohd Harith yang kini hanya selangkah untuk mencapai impian memiliki kediaman sendiri.

Antara program lain dalam ISP ialah Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (Bingkas).

Skim menggantikan Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) itu membantu hingga 30,000 keluarga berbanding 25,000 keluarga sebelum ini yang menerima RM300 sebulan.

Program pemeriksaan kesihatan Selangor Saring di 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) turut diperkenal. Ia menyediakan pemeriksaan fizikal, darah dan air kencing, mata, pangkal rahim, barah payudara, darah najis okulta atau barah usus dan prostat secara percuma.

Karnival Jelajah ISP bagi mempromosi inisiatif kebajikan untuk rakyat dijadual bermula di Hulu Langat pada 19 Jun. Jelajah itu turut dirancang diadakan di Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling dan Gombak.



Krisis bekalan makanan khususnya ayam daging semakin meruncing sejak kebelakangan ini. Natijahnya harga makanan itu melambung sehingga menjejaskan kebanyakan pengguna.

Kerajaan Negeri pantas mengatasi masalah berkenaan dengan menawarkan produk ayam daging menerusi Jualan Prihatin Rakyat. Harga jualan juga lebih rendah daripada pasaran sekali gus melegakan ramai rakyat Selangor.

Wartawan NADIAH ZAMLUS menemu bual EXCO Permodenan Pertanian Ir Izham Hashim yang mengupas isu masalah bekalan ayam daging serta jaminan bekalan makanan pada 1 Jun lepas.

Sejauh mana Program Intervensi Harga yang dijalankan Kerajaan Selangor membantu rakyat di negeri ini?

Program Intervensi Harga bermula Februari dan tamat pada awal Mei lepas. Tidak dinafikan ia mendapat kejayaan luar biasa. Masa itu kita hanya letak enam produk iaitu produk asasi dan keperluan harian buat rakyat. Utamanya ayam, telur ayam, daging lembu dan ikan.

Kemudian kita tambah santan dan minyak masak menjelang hari raya. Enam produk ini keperluan tinggi dan kita bimbang waktu perayaan ada masalah kekurangan bekalan serta peningkatan harga. Kami anggap program ini berjaya kerana kita boleh jual dengan harga subsidi. Contohnya ayam kalau harga RM16, kita cuma jual RM12 pada waktu itu. Daging lembu dulu sekilo RM40, tapi kita RM35. Telur ayam gred B, RM12.90 kita jual hanya RM10 satu papan. Lagi satu minyak masak, satu pek kita jual RM2 saja berbanding RM2.70 di pasaran.

Untuk makluman, kita beri subsidi RM1 juta dari Februari sehingga penghujung April bagi menjayakan program berkenaan. Apa yang kerajaan usahakan memang beri impak besar kepada rakyat dan kurangkan kos serta beban kehidupan mereka, juga kekalkan bekalan. Memang tidak dengar masalah kurang atau putus bekalan terutama Ramadan dan waktu perayaan. Isu terputus bekalan ayam hanya berlaku baru-baru ini sahaja.

Apabila bekalan ayam tidak stabil, harga akan naik. Bagaimana Kerajaan Negeri laksana program berkenaan? Adakah harga naik juga walau Kerajaan Selangor berusaha tambah bekalan ayam kepada 20,000 ekor sehari mulai Jun?

Sudah tentu kita tidak boleh ikut harga asal semasa Jualan Prihatin Rakyat. Perkara penting pada waktu ini pastikan bekalan ada dan cukup. Cuma untuk harga, kita ada pengurangan sebanyak RM1 berbanding pasaran. Contohnya di pasaran RM16, kita akan jual RM15. Kerana paling penting kita hendak stabilkan pasaran ayam. Dulu 4,000

ekor ayam sehari dan sudah naik kepada 20,000 sehari sejak awal Jun.

Bagaimana situasi bekalan ayam di Selangor?

Penduduk di Selangor ada 6.7 juta orang dan tidak lama lagi mencecah tujuh juta orang. Saya buat semakan dengan penternak ayam Selangor. Mereka keluarkan 15 juta ekor ayam dalam satu kitaran. Satu kitaran bersamaan kira-kira dua bulan. Purata sebulan mungkin tujuh juta ekor ayam dikeluarkan.

Kita boleh buat andaian, penduduk di negeri ini makan dua ekor ayam dalam sebulan. Sebab itu, sebenarnya kita perlukan 15 juta ayam sebulan. Bila lihat pada pengeluaran, kita mampu keluarkan 50 peratus sahaja.

Tetapi saya kena ingatkan, tidak semua pengeluaran penternak Selangor hanya untuk negeri ini. Sebab ada ayam mereka dipasarkan ke luar Selangor dan luar negara terutama Singapura. Keyakinan saya mengatakan, ayam untuk Selangor sebulan ada 30 peratus sahaja. Disebabkan tidak cukup, kita sendiri ambil ayam dari luar seperti Thailand.

Apakah kaedah untuk cukupkan bekalan ayam?

Pertama, sebahagian penduduk



Kaedah tangani bekalan ayam



kena kurangkan makan ayam. Cuba tukar kepada protein lain. Saya tidak bagi formula berhenti makan ayam. Itu cadangan yang tidak masuk akal. Kita cuma kurangkan dan ganti dengan protein lain seperti ikan atau daging lembu. Ya, memang orang kata daging ayam ini sumber protein murah. Tapi sejak ayam mahal, harga ikan kurang

kompetitif. Kedua, kena tingkatkan pengeluaran ayam. Usahakan yang baharu atau yang sedia ada untuk buat penambahan dari segi hasil dan ketiga import. Cadangan ini untuk jangka masa segera atau sederhana yang kita boleh buat.

Untuk jangka panjang, kita kena ada usaha supaya masalah sebegini diselesaikan lebih tuntas. Sebab ayam sudah menjadi makanan utama untuk semua, lebih-lebih lagi anak-anak muda.

Masalah pertama yang dan kita kena selesai ialah isu makanan ayam. Ini isu besar. Jagung bijirin untuk makanan ayam tidak sama dengan kita makan. 95 peratus jagung ini kita import, sebelum pandemik harganya untuk satu tan ialah RM1,000 tetapi sekarang RM2,600 untuk satu tan. 50 peratus jagung ini digunakan dalam makanan ayam. Bijirin jagung ini akan dicampur dengan padi, hampas soya, hancuran ikan dan kemudian dijadikan palet. 95 peratus harga ayam berpunca daripada kenaikan harga makanannya. Macam mana kita hendak kawal harga ayam? Kawal makanannya. Sebab itu kita cuba tanam jagung ini.

Dahulu tidak tanam sebab katanya tanah di Malaysia tidak sesuai. Sebab itu mula-mula jadi EXCO permodenan pertanian dua tahun dulu saya bekerjasama dengan sebuah syarikat.

Mereka usahakan dan kaji mengenai jagung ayam. Kerajaan Negeri bagi tanah di Sungai Tengi, Sabak Bernam untuk tanam dan kaji. Mana tahu kita boleh kurangkan import. Nilai import jagung ayam di negara kita adalah RM7 bilion setahun. Jika boleh kurangkan bergantung kita juga bantu kadar pertukaran wang asing, bantu tingkat hasil petani dan tingkatkan hasil ayam dalam negara.

Kaedah kedua cari makanan alternatif untuk ayam. Kita kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan kaedah itu sudah ada. Kami melihat kaedah alternatif ini kurangkan separuh harga makanan ayam. Malah bantu tumbesaran mereka. Sekarang sudah buat secara komersial dan berjaya. Kita setuju teknologi itu dibangunkan di Selangor.

Kaedah ketiga ialah atasi masalah baka. Sekarang induk ada masalah sebab baka sudah uzur. Bila sudah tua dan tidak diganti, ia menyebabkan kualiti anak ayam tidak mencapai piawaian kerana ayam kecil. Sebab itu saya sebut dalam rantaian bekalan makanan, baka atau benih kena jaga. Bila tidak bagus akan ganggu rantaian bekalan.

Kaedah keempat adalah atasi isu pekerja. Sebab itu ayam sebelum pandemik dan sekarang saiznya



“ Kerajaan Negeri ada usaha untuk bantu rakyat supaya bekalan makanan mereka tidak putus. Bidang kuasa berhubung ayam terputus bekalan ini bukan bidang kuasa negeri, tetapi kita bantu, malah harga yang dijual murah RM1 berbanding pasaran ”

berbeza. Ayam sekarang lebih kecil sebab mereka kurangkan makanan. Semua faktor ini menyumbang kepada peningkatan kos.

Susulan peningkatan pengeluaran ayam kepada 20,000 ekor sehari, di manakah ayam berkenaan diletakkan?

Kita kenal pasti 67 tempat sesuai untuk tambah ayam ini. Ia akan diletak di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), premis Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) atau KoHijrah. Semua tempat ini kita akan kaji dari semasa ke semasa dan keutamaan kepada tempat yang kurang bekalan ayam. Oleh itu, siapa terputus bekalan ayam boleh terus ke lokasi yang saya sebutkan, sebab semua tempat ini memang selalu ada. Setakat ini tiada had untuk orang ramai beli. Kita akan teruskan sehingga hari raya Aidiladha.

Ayam yang ditambah ini tidak akan diberi kepada pasar raya sebab mereka

ada sumber sendiri. Memang ada orang cakap, macamlah ayam akan cukup. Tapi Kerajaan Negeri ada usaha untuk bantu rakyat supaya bekalan makanan mereka tidak putus. Bidang kuasa berhubung ayam terputus bekalan ini bukan bidang kuasa negeri, tetapi kita bantu, malah harga yang dijual murah RM1 berbanding pasaran.

Bagaimana perkembangan program jaminan bekalan makanan?

Untuk tingkatkan hasil pengeluaran di Selangor kita perlu tanam tanaman bernilai tinggi seperti golden melon. Kenapa fokus bernilai tinggi? Kerana tanah di Selangor mahal. Ada kalanya kita tidak perlukan tanah, tapi hanya bangunan. Di Shamelin contohnya, ada pengusaha tanam salad bernilai tinggi. Mereka memanfaatkan bangunan yang tidak digunakan. Tapi kena tanam salad bernilai tinggi. Tidak boleh tanam sayur biasa sebab nanti tidak pulang kos dan rugi.

Selain golden melon dan salad bernilai tinggi, kita juga fokus tanaman lemon yang baunya seperti serai wangi. Banyak diguna untuk produk kosmetik. Tanaman ini sudah dikaji selama tujuh tahun di Sekinchan dan akan dibangunkan tidak lama lagi untuk pasaran. Nangka jenis D33 juga berdepan kekurangan. Begitu juga halia, kita akan tanam. Untuk pengetahuan kita import halia bernilai RM300 juta setahun. Jadi kenapa kita tidak tanam sendiri? Terutama halia hitam, banyak kegunaannya. Biarlah kita pelbagaikan dan apa yang kita bangunkan cuba untuk dipasarkan ke luar negara.

Selangor kalau hendak bangunkan makanan atau pertanian tidak boleh lari daripada teknologi. Teknologi baharu akan menarik minat anak

muda dan wanita terbahit pertanian dan menjana pendapatan lumayan. Secara tidak langsung menambah penglibatan warga tempatan dalam industri tani.

Namun, perkara paling penting ialah kita kena melihat rantaian bekalan makanan secara menyeluruh. Mahu tanam tetapi tidak tahu pasaran. Sebab itu kena tengok masalah ini daripada isu benih sehingga ke pemasaran. Isu penyimpanan juga penting.

Pandangan mengenai kartel pertanian yang cuba kawal pasaran?

Kartel adalah syarikat besar berpapak mengawal pasaran atau monopoli. Contoh trend daging beku. Ada syarikat tertentu yang mengawalnya. Kemudian baja, racun dan makanan ayam. Macam jagung yang saya sebutkan tadi, 95 peratus diimport dan syarikat besar inilah yang mengawal harga. Mereka kawal pasaran.

Bagaimanapun bagi isu bekalan ayam ia bukan masalah kartel. Memang sebenarnya pengeluaran ayam ini ada masalah sejak awal. Yang saya sebutkan tadi, daripada makanan jagung, pekerja, baka selain isu pengurusan permit dan penyakit ayam. Apabila kos perniagaan meningkat susah untuk bertahan. Justeru mereka akan kurangkan pengeluaran dan kurangkan makanan supaya dapat meneruskan kelangsungan perniagaan. Ini bukan isu kartel. Lagipun ayam mentah ini produk terkawal oleh kerajaan. Orang tengok macam kartel tetapi sebenarnya isu perniagaan.

Bagaimana YB melihat kerjasama antara Selangor dan Negeri Sembilan membangunkan tanah bagi tanaman jagung bijirin?

Kita akan buat berperingkat. Sekarang membabitkan tanah seluas 700 ekar dengan jangkaan penghasilan bijirin sebanyak tujuh tan bagi satu ekar. Jumlahnya mungkin 4,900 tan. Setahun hasilnya 9,800 tan.

Sebenarnya, jumlah bijirin yang akan dihasilkan belum dapat menampung keperluan industri ternakan. Kita import berbilion jagung. Pada saya, kena tanam 10,000 ekar untuk dapatkan impak. Ternakan ayam ini sangat besar dan macam negeri yang banyak tanah seperti Sabah, Sarawak dan Pahang boleh buat pelaburan dan usahakan apa yang kita buat ini. Ya, kita boleh usahasama. Memang kita tidak boleh beri bijirin ayam 100 peratus tetapi sekurang-kurangnya kita hasilkan sendiri 30 peratus bijirin untuk ternakan ayam.

Kritikan, pujian buat masyarakat Melayu

Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) sekali lagi menjadi perhatian ulat buku menerusi projek penterjemahan buku *Malay Sketches* tulisan bekas pegawai kolonial British di Tanah Melayu, Frank Swettenham.

Memilih tajuk *Gelagat dan Ragam Orang Melayu*, naskhah terkenal yang pernah diterjemah sebelum ini dengan tajuk berbeza; menelusuri pandangan penjajah terhadap masyarakat Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada abad ke-19, khususnya Perak.

Penterjemah **Ahmad Zamani Ishak** dan **Norziati Rosman** serta Pengarah Eksekutif IBDE **Farhan Affandi** berkongsi pengalaman membedah dokumen yang dinukilkan orientalis Inggeris itu semasa proses penterjemahan dan penyuntingan.

Mengapa IBDE memilih Frank Swettenham: *Gelagat & Ragam Orang Melayu* untuk projek terjemahan terbaharu?

Farhan: Misi IBDE ialah untuk memperkaya khazanah persuratan berbahasa Melayu. Terdapat masih banyak karya penting dalam bahasa asing yang belum diterjemahkan dan salah satunya adalah *Malay Sketches*, karya Frank Swettenham. Naskhah ini dipilih sebagai buku pertama dalam siri terjemahan buku-buku yang dihasilkan oleh penulis-penulis British dari zaman sebelum Tanah Melayu merdeka. Ada beberapa lagi karya penulis seperti beliau dan juga pengkaji dunia Timur lain yang akan kita terjemah dan terbitkan.

Ada naskhah lain tulisan Frank Swettenham yang turut mengisahkan kehidupan Orang Melayu sebelum karya bertajuk *Malay Sketches* diputuskan untuk diterjemah?

Farhan: *Malay Sketches* yang pertama dipilih. Selain buku ini, IBDE berhasrat untuk juga menterjemah dan menerbitkan bukunya yang berjudul *British Malaya*.

Ahmad Zamani: Sepengetahuan saya, Frank Swettenham menghasilkan naskhah yang berjudul *Real Malay*. Jika dalam *Malay Sketches* (Gelagat & Ragam Orang Melayu – naskhah terjemahan), isinya banyak berkisar kepada orang Melayu di Selangor dan Perak, *Real Malay* pula lebih berkisar kepada orang-orang Melayu di Pulau Pinang (termasuk Seberang Prai) dan juga Perak.

Bagaimana proses terjemahan selepas melihat teks asal?

Norziati: Pertama sekali saya merasa amat bangga kerana dapat mengerjakan terjemahan dan suntingan karya Frank Swettenham yang kita tahu memberi banyak sumbangan menerusi penghasilan karya-karya yang kemudian menjadi kajian dan rujukan sarjana-sarjana tempatan dan luar. Kedua sumbangan dalam bidang ketatanegaraan dan pentadbiran kerajaan atas penglibatannya sebagai seorang pentadbir kolonial di Tanah Melayu.

Malay Sketches boleh menjadi buku penting untuk sesiapa yang mahu melihat bagaimana sifat dan sikap orang Melayu dari kaca mata orang luar yang banyak bergaul dengan masyarakat tempatan. Justeru, saya melakukan terjemahan dengan berhati-hati tetapi dengan penuh teliti kerana Swettenham banyak membuat gambaran secara terperinci atas apa yang cuba diceritakan, misalnya keadaan kampung, suasana hutan, keheningan laut dan sungai mahupun ketika menceritakan tentang susuk seseorang. Ini bermakna pemilihan perkataan yang betul dan tepat penting supaya tidak berlaku pengulangan dan pemerian yang tidak membosankan pembaca. Saya cuba meletakkan diri sebagai 'orang luar' yang melihat orang Melayu, bangsa saya sendiri, supaya terjemahan lebih objektif dan tidak melulu.

Ahmad Zamani: Kali pertama saya membaca *Malay Sketches* melalui teks asal yang telah didigitalkan. Sebelum ini saya ada membaca naskhah-naskhah yang dihasilkan oleh para orientalis seperti *Malay Magic* (Skeat), *Malay Poisons and Charm Cure* (John D Gimllete), *In Court and Kampung* (Hugh Clifford), *Life and Custom Malays* (R J Wilkinson), dan beberapa buah naskhah yang lain.

Semuanya dalam bentuk digital daripada naskhah yang asal. Setelah saya menghabiskan bacaan *Malay Sketches* buat kali yang pertama, saya sudah mendapat suatu gambaran kasar tentang tema dan sub-sub tema yang ingin

disampaikan oleh Swettehham.

Oleh sebab bahasa Inggeris yang digunakan olehnya menggunakan laras bahasa Inggeris klasik, saya membacanya buat kali kedua. Pada bacaan kali kedua ini, saya membuat beberapa catatan terutamanya pada perkataan-perkataan bahasa Inggeris yang tidak pernah saya temukan.

Dengan kata lain, naskhah ini juga sarat dengan kata arkaik. Saya akan mencari maksud dengan cara yang konvensional terlebih dahulu, iaitu merujuk kepada kamus, sama ada kamus yang berbentuk naskhah ataupun kamus yang terdapat secara dalam talian.

Sekiranya maksud yang ditemukan itu kelihatannya "tidak serasi" dengan maksud yang ingin disampaikan oleh penulisnya, saya akan berbincang dengan beberapa orang rakan penterjemah bagi mencari maksud yang tepat (setidak-tidaknya hampir tepat). Secara peribadinya, naskhah yang ditulis oleh Swettenham ini tidaklah menggunakan laras bahasa Inggeris yang terlalu sukar jika dibandingkan dengan naskhah yang dihasilkan oleh R J Wilkinson.

Apa bahagian yang susah sepanjang proses terjemahan? Cabaran dari segi bahasa Inggeris pada abad ke-19 berbanding sekarang, adakah sukar untuk membuat terjemahan bagi memastikan maksud terjemahan tidak lari daripada konteks asal?

Ahmad Zamani: Bahagian yang paling sukar ialah penggunaan laras bahasa Inggeris dan juga penggunaan kata-kata arkaik. Laras bahasa yang digunakan kebanyakannya panjang-panjang, mempunyai lebih daripada tiga predikat, dan kebanyakannya juga mempunyai lebih daripada satu subjek untuk satu ayat.

Norziati: Swettenham memulakan setiap bab dengan memasukkan petikan daripada karya penulis dan negarawan luar seperti Voltaire, Longfellow, Lewis Morris, Rudyard Kipling, Abdurrahman Jami', Hamlet dan beberapa lagi nama besar. Setiap petikan, meskipun sebaris, mempunyai kaitan sedikit sebanyak dengan apa yang disampaikan dalam bab tersebut. Namun untuk menterjemah baris-baris petikan ini bukanlah satu tugas mudah kerana ia terpisah daripada rangkap asalnya dan boleh menyebabkan kefahaman kita lari daripada konteks asal jika teksnys tidak dibaca secara keseluruhan. Namun memandangkan petikan ini ialah 'pemula' kepada bab, saya



cuma menterjemah dengan bersandarkan kepada cerita yang disampaikan dalam bab dan cuba mencari perkataan terbaik yang mampu memberikan maksud yang hampir dengan rangkap keseluruhannya.

Cabaran kedua ialah kandungan *Malay Sketches* yang bersifat pemerihal atau deskriptif iaitu Swettenham menceritakan dengan rinci dan teliti setiap apa yang cuba disampaikan. Oleh kerana segala peristiwa yang berlaku melibatkan Swettenham sendiri, atau dia sendiri ada pada ketika peristiwa itu berlaku, maka dia dapat melihat sendiri segala apa yang terjadi lalu mampu memerihalkan secara terperinci apa yang dilihatnya. Misalnya untuk menceritakan suasana tengah malam di sebuah kawasan pokok bakau yang berlumpur, Swettenham menceritakan keadaan lumpur yang kental dan melekit apabila air surut yang boleh menenggelamkan seseorang hingga ke paras pinggang. Begitu juga apabila Swettenham bercerita tentang keadaan gunung-ganang yang didaki, awan-gemawan yang memukau pandangannya, meneroka gua-gua bawah air, menunggang gajah untuk pergi berkelah, memanjat bukit-bukit batu kapur dan ketenangan laut yang sangat indah pada pandangannya – semua diceritakan seolah-olah mengajak kita ke sana. Semua perincian ini, sekali lagi ingin saya katakan, memerlukan pemilihan kata-kata yang betul dan tepat supaya tidak berlaku pengulangan dan pemerian yang boleh membosankan pembaca.

Bagaimana jangkaan penerimaan pembaca apabila ada mesej dalam buku itu mengkritik dan memberi tanggapan terhadap orang Melayu antaranya orang Melayu malas, percaya kepada perkara karut dan suka mengumpat?

Norziati: Swettenham memerihalkan pandangannya terhadap orang Melayu berdasarkan pergaulannya dengan orang Melayu dan pengamatannya yang tajam terhadap mereka yang dikenali dan yang dekat dengannya. Adalah mustahil untuk kita mengatakan yang Swettenham mengadakan cerita-cerita ini kerana segala peristiwa yang berlaku melibatkan Swettenham sendiri, atau dia sendiri ada pada ketika peristiwa itu berlaku, maka dia dapat melihat sendiri segala apa yang terjadi. Mungkin dia terlalu jujur dan objektif kerana menceritakan segala-galanya tanpa terselindung.

Kita boleh mengambil contoh apa yang terjadi kepada Abdullah Munshi selepas dia menulis *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* yang turut mengandungi kritikan terhadap orang Melayu berdasarkan apa yang dilihatnya sepanjang perjalanan dan pergaulan dengan orang Melayu. Abdullah turut dikesam kerana terlalu jujur bercerita namun semua itu adalah kejadian yang berlaku di hadapan matanya.

Pembaca boleh menerima atau menolak pandangan Swettenham seperti mana mereka menolak tulisan Abdullah Munshi, tetapi akhirnya rakaman itu menjadi rujukan penting terhadap keadaan sosiobudaya orang Melayu pada waktu itu. Apa yang boleh kita buat ialah menerima catatan ini dengan berlapang dada tetapi harus lebih kritis terhadap kesimpulan yang dibuat Swettenham terhadap orang Melayu seperti malas dan suka mengumpat kerana tidak semua bersikap demikian – yang ditemukan oleh Swettenham pada ketika itu mungkin sekelompok kecil yang mempunyai sifat-sifat sedemikian.

Apakah tujuan penerbitan karya bekas penjajah yang memaparkan keburukan Melayu, adakah wajar atau tidak disiarkan dan apa mesej hendak ditampilkan?

Norziati: Penulisan seperti ini cuba bersikap jujur dengan menceritakan apa yang mereka perhatikan. Mereka juga cuba menampilkan realiti dan keadaan sebenar orang Melayu dari luar. Ia satu pandangan jujur, bukan mahu merendahkan tetapi merakam keadaan sosiobudaya masyarakat pada masa itu. Kita boleh meragui niat mereka, malah kita juga boleh mengatakan yang mereka sengaja mahu menceritakan perkara-perkara buruk tentang kita. Atas sebab ini, kita haruslah lebih kritis – jika kita tidak setuju, perlulah dinyatakan mengapa dengan memberi pandangan balas yang lebih membina. Tulisan Syed Hussein Alatas yang berjudul *The Myth of Lazy Natives* boleh dijadikan panduan bagaimana kita boleh menolak dan membalas pandangan mereka jika kita yakin salah. Seharusnya karya ini sekiranya diterbitkan dan diterjemahkan, menjadi pemangkin semangat kepada orang Melayu untuk berusaha lebih gigih bagi menyangkal dakwaan dan pandangan sendeng yang tersebut.

Apakah kekuatan dan kelebihan orang Melayu yang ditampilkan dalam karya Frank Swettenham itu?

Norziati: Seperti yang dicatat oleh Swettenham, orang Melayu mudah mesra dan peramah. Jika mereka dihormati, maka orang Melayu akan taat dan setia, suatu sikap yang menyebabkan mereka akhirnya sering dipergunakan. Orang Melayu juga mempunyai sikap yang baik, tenang, sopan santun tetapi cukup berhati-hati khususnya kepada orang luar. Namun orang Melayu juga

pemboros, suka berhutang, pandai menyulam kata-kata yang manis dan pandai berbicara. Mereka juga pandai berjenaka, mungkin itu menyebabkan orang Melayu cepat mesra. Oleh kerana orang Melayu gemar berjudi misalnya dengan menyabung ayam, maka mereka mudah berhutang. Menurut Swettenham lagi, orang Melayu pemalas, namun mereka cepat belajar dan boleh dituntun untuk menjadi pekerja atau pengikut yang patuh dan taat.

Apa mesej dan pengajaran yang boleh dijadikan iktibar kepada pembaca?

Norziati: Karya ini melibatkan pandangan jujur orang luar terhadap orang Melayu. Kita boleh bersikap kritis sama ada mahu menerima atau menolak misalnya dengan membuat satu kajian bandingan dengan *Hikayat Abdullah* (misalnya). Ia satu garapan penting yang perlu dibaca oleh orang Melayu. Kita boleh meneliti apakah sikap orang Melayu dahulu dan sekarang masih sama dan apakah perubahan yang telah terjadi kepada orang Melayu hingga mereka meninggalkan sikap yang tidak perlu.



DARI MUKA 9

“Bila mengarah, saya tengok cara mereka berlakon. Saya mula yakin untuk berlakon dan timbul semula minat. Saya mula boleh berlakon sebenarnya pada 2001 sebelum saya berlakon *Paloh* bawah arahan Adman Salleh pada 2003,” katanya.

Dunia filem

Selepas meletak jawatan sebagai pensyarah di Aswara, beliau dan isteri melalui fasa bergelut untuk kelangsungan hidup sebelum mendapat tawaran berlakon filem *Sanggul Beracun* arahan Sabri Yunus.

Sejak itu, Nam Ron mula mendapat beberapa tawaran lain. Namun selepas menang anugerah pelakon lelaki terbaik FFM 2017 menerusi filem *Redha*, semakin banyak tawaran diterima.

Selain anugerah pelakon terbaik beliau pernah menang pelakon pembantu lelaki terbaik Anugerah Skrin menerusi filem *Parit Jawa* (2012), *Balqis* (2014) dan *Dukun* (2018).

Namun paling manis apabila filem arahnya, *One Two Jaga* meraih gelaran pengarah terbaik, filem terbaik, lakon layar terbaik, skrip terbaik dan pelakon lelaki terbaik.

One Two Jaga juga membawa beliau ke Itali, Poland, China, Taiwan, Amerika Syarikat dan beberapa negara lain di Asia.

“Istimewanya *One Two Jaga* adalah kejujuran. Saya percaya seni harus jujur, ada suara dalam karya itu. Bukan untuk pecah panggung atau keuntungan semata-mata. Seni itu ubat masyarakat.

“Hiburan umpama candu. Masyarakat gemar pilih candu daripada ubat tetapi jangan salah anggap, filem bercorak hiburan ini tak salah, saya tak menentang filem seperti ini kerana ia penting untuk menjana ekonomi, peluang kerja dan sebagainya,” katanya.

Bapa kepada tiga cahaya mata menyifatkan filem komersial juga membuka kepercayaan kepada pelabur untuk terus melabur dalam industri seni dan membuka lebih lagi peluang kerja.

Nam Ron yakin kedua-dua konsep ini perlu seimbang bagi melahirkan filem yang mampu menjana ekonomi tetapi pada masa sama menyelitkan kejujuran dan kritikan dalam karya.

Menyentuh jumlah bayaran, bagi Nam Ron, agak sukar pelakon di Malaysia untuk lebih memilih tawaran lakonan yang datang.

Pelakon Malaysia menerima bayaran lebih kecil mendorong mereka menerima apa sahaja peluang kerja depan kamera hingga ada menjejaskan mutu lakonan, eksklusif dan nilai dalam pasaran.

“Tetapi masih ada sahaja pelakon yang tetap jaga nilai eksklusif mereka antaranya Eman Manan, Faizal Hussein dan Bront Palarae tetapi Bront Palarae sudah tahap lain sebab dia banyak main filem luar negara, kadar bayaran lebih tinggi dan dibayar dengan dolar.

“Sebenarnya kalau kita tengok artis sama ada penyanyi atau pelakon yang mewah, rumah besar, kereta besar sebenarnya ada pendapatan lain seperti berniaga misalnya. Kalau



harapkan pendapatan berlakon semata, bolehlah hidup tetapi sebagai golongan pertengahan yang senang,” katanya.

Bagi Nam Ron, faktor yang menjadi pertimbangan sebelum menerima tawaran adalah watak yang boleh dibawa, bayaran dan pengarah karya berkenaan.

Beliau perlu mempertahankan kadar bayaran diterima untuk setiap tawaran bagi mengelakkan nilai pasarannya rosak.

Dia juga menolak kaedah menentukan bayaran berdasarkan jumlah pengikut media sosial. Baginya jumlah pengikut di media sosial tidak mencerminkan populariti seseorang pelakon apa lagi kualiti lakonan.

“Ada juga pelakon yang popular tetapi tidak ramai pengikut sebab yang selalu menjadi pengikut media sosial ini adalah orang muda.

“Pengikut yang ramai-ramai ini belum tentu pergi tengok filem lakonan artis yang diikuti itu kerana mungkin budak sekolah atau yang belum stabil hidupnya.

“Contoh Eman Manan tidak ramai pengikut media sosial tetapi ke mana pergi orang kenal dan ramai peminat lakonan dia rata-rata berumur 30, 40 tahun ke atas ada lebih kuasa membeli,” katanya.



Hiburan umpama candu. Masyarakat gemar pilih candu daripada ubat tetapi jangan salah anggap, filem bercorak hiburan ini tak salah, saya tak menentang filem seperti ini kerana ia penting untuk menjana ekonomi, peluang kerja dan sebagainya





Kumpulan pesara tentera berhimpun membangkitkan isu kebajikan termasuk pencen di Tugu Negara, Kuala Lumpur pada 6 Jun. Foto Malaysiakini

Jaga kebajikan pesara askar

SHAH ALAM - Ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan kerajaan supaya tidak mengabaikan kebajikan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Mendesak menteri pertahanan supaya segera bertindak, beliau berkata pimpinan Pakatan Harapan (HARAPAN) beberapa kali membawa isu tersebut ke Parlimen kerana golongan itu banyak berjasa kepada negara.

Beliau menambah tindakan veteran ATM mengadakan perhimpunan di Tugu Negara, Kuala Lumpur menunjukkan mereka tiada pilihan berikutan Kementerian Pertahanan tidak memberi perhatian terhadap hak mereka.

"Saya mendesak menteri pertahanan (Datuk Seri Hishammuddin Hussein) segera ambil tindakan terkait perkara ini. Usah abaikan suara golongan veteran ATM yang telah banyak berjasa kepada negara kita," kata presiden Parti Keadilan Rakyat pada 7 Jun.

Sekumpulan pesara tertera berhimpun secara aman di Tugu Negara selepas lapangan tahun gagal menegakkan hak mereka mengikut saluran betul berhubung isu pencen.

Kesan pandemik, inflasi belum pulih

HARAPAN bantah laksanakan semula GST

Oleh **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Pakatan Harapan (HARAPAN) tidak bersetuju cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk melaksana semula sistem cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Mengingatkan majoriti rakyat menolak cukai itu sebelum ini, Majlis Presiden HARAPAN menyebut rakyat terjejas akibat kenaikan kos sara hidup serta pendapatan isi rumah berkurangan akibat pandemik selain kadar inflasi semakin tinggi.



"Pengenalan semula GST bakal mengakibatkan harga barang meningkat dengan mendadak. Jika ditambah dengan masalah rantaian bekalan serta gaji tidak meningkat, rakyat menerima tekanan yang amat dahsyat.

"Tiada guna mengutip lebih banyak cukai jika akhirnya nanti duit rakyat dibazirkan akibat rasuah, ketirisan dan kronisme," menurut kenyataan pada 1 Jun.

Kenyataan itu dibuat Presiden Parti Keadilan Rakyat Datuk Seri Anwar Ibrahim, Presiden Parti Amanah Negara

Mohammad Sabu, Setiausaha Agung DAP Anthony Loke Siew Fook dan Presiden Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

Menurut kenyataan itu, tidak munasabah kerajaan bercadang mengutip lebih banyak cukai daripada rakyat tanpa membuktikan penambahbaikan tabdir urus.

"Persepsi tatakelola serta tadbir urus kerajaan belum pulih akibat skandal 1MDB, tatkala Malaysia berada di kedudukan ke-62 indeks persepsi rasuah antarabangsa serta kedudukan kedua indeks kapitalisme kroni The Economist," katanya.

Inflasi meningkat 2.5 peratus

KUALA LUMPUR - Inflasi Malaysia pada 2021 meningkat 2.5 peratus yang didorong oleh kenaikan harga makanan dan bahan api, demikian Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 1 Jun.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata sebanyak 184 item makanan daripada keseluruhan 552

item dalam 'bakul' Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatatkan kenaikan.

Beliau berkata peningkatan itu juga lebih tinggi berbanding 0.7 peratus yang direkodkan sebelum pandemik pada 2019.

Secara keseluruhannya, kenaikan inflasi 2.5 peratus adalah disumbangkan

oleh indeks pengangkutan (11.0 peratus); makanan dan minuman (1.7 peratus); hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (1.6 peratus) dan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (1.5 peratus) yang menyumbang 72.0 peratus kepada keseluruhan wajaran IHP. - BERNAMA

PT3 mansuh mulai tahun ini

PUTRAJAYA - Menteri Kanan Pendidikan Datuk Dr Radzi Jidin pada 2 Jun mengumumkan ujian Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) yang diperkenalkan pada 2014 dimansuhkan mulai tahun ini.

PT3 sebelum ini tidak dilaksanakan pada 2020 dan 2021 ekoran pandemik Covid-19.

Radzi berkata Kementerian Pendidikan (KPM) akan memperkukuh Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang mengandungi tiga komponen iaitu Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPSi).

"Walaupun tiada penilaian pusat (PT3), pelajar tingkatan satu, dua dan tiga akan menduduki ujian akhir tahun dengan menggunakan bank soalan yang disediakan KPM bagi semua mata pelajaran," katanya. - BERNAMA

SPRM siasat kes salah urus Covid-19

PUTRAJAYA - Sebanyak 25 kertas siasatan berhubung salah urus pengurusan Covid-19 dibuka, kata Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki.

Beliau berkata siasatan kes berkenaan merangkumi pelbagai isu kesalahan dan SPRM akan memanggil mereka yang terlibat untuk membantu siasatan.

"Banyak individu telah dan akan dipanggil kerana setiap satu kes itu adalah berbeza," katanya pada 2 Jun. - BERNAMA

Potongan 50 peratus kompaun sebulan

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) menawarkan pengurangan sebanyak 50 peratus kompaun atas pelbagai kesalaham selama sebulan mulai 1 Jun.

Pembayaran boleh dilakukan secara dalam talian melalui ip3ks, aplikasi CEPat – Citizen E-Payment dan aplikasi PBTPay.

Pembayaran secara terus juga boleh dibuat setiap Isnin hingga Jumaat mulai jam 8.30 pagi hingga 4 petang di ibu pejabat MPKS dan kaunter pandu lalu MPKS.

Katanya, sebarang maklumat lanjut hubungi unit perundangan MPKS menerusi talian 03-3289 7385 sambungan 30.

“Kempen ini bertujuan memberi ruang kepada orang awam untuk menjelaskan kompaun dan orang ramai digesa untuk mengambil peluang ini,” katanya menerusi Facebook pada 1 Jun.

Rampas syabu, heroin RM25 juta

KUALA LUMPUR - Polis Diraja Malaysia menumpaskan sindiket penyeludupan dan pengedaran dadah dalam serbuan di Selangor dan Kedah pada 2 dan 3 Jun.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata pihaknya merampas pelbagai jenis dadah seberat 696 kg bernilai RM25.35 juta.

Beliau berkata polis merampas dadah jenis syabu seberat 404.3 kg, heroin (7.7 kg) dan pil ekstasi (35.3 kg) yang dianggarkan bernilai RM16.4 juta dalam serbuan pertama di sekitar Selangor pada 2 Jun.

Sementara itu, dalam serbuan sehari selepas di Kedah dan Selangor, polis merampas 248.7 kg dadah jenis syabu yang dianggarkan bernilai RM8.95 juta. – BERNAMA

PKNS tubuh yayasan perumahan

Cadang tampung pinjaman kediaman

SEPANG - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bercadang mewujudkan sebuah yayasan perumahan bagi membantu rakyat kurang berkemampuan memiliki rumah, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya Dato' Mahmud Abas.

Beliau berkata konsep yayasan tersebut adalah menampung sebahagian daripada harga sesebuah rumah dan yayasan akan mempunyai hak milik sebanyak 50 peratus terhadap rumah itu.

“Contohnya, harga rumah adalah RM300,000 tapi dapat pinjaman bank sebanyak RM150,000 sahaja, jadi yayasan akan bantu untuk tampung RM150,000 dan (PKNS) akan ada 50 peratus pegangan hak milik dalam rumah itu,” katanya pada 7 Jun.

Terdahulu beliau menyempurnakan majlis penyerahan kunci kepada pemilik unit Residensi Idaman Selangorku PKNS di Selangor Cyber Valley di sini.

Beliau berkata konsep yayasan tersebut dipraktikkan di England dan PKNS akan menghantar kakitangannya ke negara tersebut bagi membolehkan mereka mengetahui selok-belok perundangan berkaitan yayasan perumahan.

“Formulasi dan cadangan berkaitan ini masih di peringkat PKNS sebelum dibentangkan kepada lembaga pengarahnya dan setelah dimuktamadkan, ia akan dimajukan kepada kerajaan Selangor bagi proses seterusnya,” katanya.

Beliau berkata usaha untuk mewujudkan yayasan sedemikian bukan perkara mudah memandangkan ia perlu melalui banyak proses termasuk perihal undang-undang selain memastikan danya tidak disalahgunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

“Katakan pemilik rumah itu nanti buat pengubahsuaian rumah, nanti harga rumah naik... ataupun pemilik berhasrat untuk menjual rumah itu,

bagaimana dengan yayasan nanti. Kita perlu ada modal bagi kitaran dana bagi membolehkan lebih ramai dapat memiliki rumah impian,” katanya.

Mengenai Residensi Idaman Selangorku, beliau berkata ia merupakan projek PKNS untuk menyokong Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) bagi menyelesaikan isu kemampuan rakyat membeli rumah.

Dengan keluasan 1,000 kaki persegi, setiap unit rumah pangsapuri itu dilengkapi tiga bilik tidur, dua bilik air dan dua tempat letak kereta serta ditawarkan pada harga RM232,000.

Mahmud berkata Residensi Idaman Selangorku yang dibangunkan dengan teknologi sistem binaan berindustri (IBS) itu mempunyai 864 unit rumah dengan empat unit khas bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan kesemua unit tersebut habis dijual. – BERNAMA

Teliti ubah suai tanpa kebenaran

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) meneliti semula isu ubah suai kediaman tanpa kebenaran yang menimbulkan kacau ganggu kepada penghuni lain.

Timbalan Datuk Bandar Sharipah Marhaini Syed Ali berkata pihaknya tidak berkompromi dalam isu itu kerana ia boleh menjejaskan keselamatan orang sekeliling. “Binaan tambahan dan struktur yang dibina ini boleh diroboh sekiranya tiada kelulusan ke-

rana ia boleh mendatangkan bahaya kepada penduduk sekitar.

“Kita akan teliti isu ini bukan sahaja melibatkan kediaman jenis pangsapuri sebaliknya turut diberi perhatian rumah teres sekitar Petaling Jaya,” katanya pada 3 Jun.

Sharipah berpendapat tambahan struktur itu mungkin disebabkan penduduk ada ahli keluarga yang ramai tetapi keselamatan dan kesan jangka panjang perlu dititik berat.

Jelasnya lagi, sebarang kerja pembinaan untuk mengubah suai dan menambah struktur perlu mendapat kelulusan secara bertulis daripada pi-

hak berkuasa tempatan (PBT).

“PBT bertanggungjawab dari segi keselamatan terutama jika berlaku musibah seperti kebakaran atau banjir yang berpunca daripada ubah suai kediaman,” katanya.

Beberapa gambar tular di media sosial menunjukkan pengubahsuaian di salah sebuah pangsapuri di Taman Dato' Harun di sini hingga mengundang pelbagai reaksi masyarakat.

Berdasarkan gambar tersebut, ubah suai bukan hanya melibatkan rumah aras bawah sebaliknya turut dilakukan oleh penghuni di tingkat satu.

JKNS serbu premis makanan

SHAH ALAM - Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) merampas 329 jenis produk makanan tambahan kesihatan tidak berdaftar, dianggarkan bernilai RM295,000, menerusi serbuan ke atas sebuah premis perniagaan di Kajang, pada 31 Mei.

Pengarah Kesihatan negeri Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata serbuan tersebut dijalankan oleh Cawangan Penguatkuasaan, Bahagian Perkhidmatan Farmasi (CPF) JKNS ekoran aduan orang ramai.

Beliau berkata sebahagian produk yang dirampas itu dipercayai diperoleh dari luar negara dan tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan

Dadah (PBKD) Kementerian Kesihatan (KKM).

“Siasatan awal mendapati produk itu diiklankan melalui sebuah platform e-dagang terkenal dalam negara dengan tuntutan palsu ia berdaftar dengan KKM,” katanya pada 2 Jun.

Dr Sha'ari berkata siasatan dijalankan mengikut Peraturan 7 (1) (a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan pemilik premis berkenaan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali mengikut Akta Jualan Dadah 1952, jika sabit kesalahan. – BERNAMA



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000011447	SUPPLY, COMMISSION, MAINTAIN, SUPPORT AND PROVIDE WARRANTY FOR METER READING DEVICES
2.	PN0000011471	REFURBISHMENT OF RIVER GATE'S MECHANICAL & ELECTRICAL SYSTEM AND ASSOCIATED CIVIL WORKS AT INTAKE SG. LABU WTP

KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

Bil.	KETERANGAN
1.	PRA-KELAYAKAN SEBAGAI KONTRAKTOR PANEL BAGI KERJA-KERJA KECEMASAN PEMBAIKAN DAN PENYENGGARAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL

Untuk butiran lanjut mengenai tender/prakelayakan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender/prakelayakan di atas adalah diwajibkan untuk berdaftar dengan AirSelangor. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan dilaman tersebut. Pendaftaran adalah percuma.



Loy Sian (kiri) meninjau Tasik Air Hitam yang dijadikan tapak pembuangan sampah haram di Bandar Mahkota Cheras, Hulu Langat. Foto LUAS

Siasat aktiviti buang sampah haram

MPKj sita kawasan Tasik Air Hitam

Oleh **AZRINA AHZAN**

SHAH ALAM - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sudah membuka kertas siasatan kegiatan pembuangan sampah secara haram di Tasik Air Hitam di Cheras, Hulu Langat.

EXCO Pelancongan dan Alam Sekitar Hee Loy Sian berkata tindakan itu dibuat mengikut Seksyen 79 (1) Enakmen Luas 1999 yang memperuntukkan denda minimum RM200,000 dan maksimum RM1 juta dan penjara tidak kurang tiga tahun.

Menurutnya, siasatan dilancarkan susulan operasi bersepadu dikedua

tuai Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) yang turut disertai LUAS, Jabatan Alam Sekitar serta Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Hulu Langat pada 31 Mei lalu.

Kata Loy Sian, tasik dipenuhi sampah sarap dan bahan larut lesap kehitaman itu terletak tiga kilometer dari Sungai Perimbun dan 6.5 kilometer dari Loji Rawatan Air (LRA) Cheras Batu 11. Namun ujian sampel menunjukkannya tidak memberi kesan kepada operasi loji.

"MPKj juga menyita dan mengeluarkan notis berhenti kerja kepada pemiliknya selepas maklumat status tanah diterima daripada PDT Hulu Langat.

"PDT Hulu Langat turut mengeluarkan Notis 7A kepada pemilik tanah bagi

arahan pemulihan segera tanah," katanya pada 7 Jun.

Loy Sian berkata, kerja membaiki pulih ban yang pecah akibat hujan lebat juga dijalankan bagi mengelak bahan larut lesap mengalir ke sungai berhampiran.

MPKj turut menutup laluan masuk ke sebuah tasik bekas kuari berdekatan Seksyen 5 Bandar Mahkota Cheras yang dijadikan tapak pembuangan sampah haram pada 31 Mei.

Menurut MPKj aktiviti pembuangan sampah haram di kawasan itu dikesan sejak Disember tahun lalu namun ia memburuk dua bulan kebelakangan ini.

Jaya inisiatif hijau dapat rebat cukai

PETALING JAYA - Seramai 1,978 penduduk Petaling Jaya yang menayakan inisiatif hijau menerima rebat cukai taksiran berjumlah RM652,068.17.

Timbalan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Sharifah Marhaini Syed Ali berkata rebat itu hanya ditawarkan kepada pemilik rumah yang

menjalankan inisiatif mesra alam.

Menurutnya, mereka mengamalkan penjimatan tenaga elektrik dan air, pengurusan sampah yang baik, menggunakan pengangkutan awam serta menanam pokok sekitar kediaman.

"Skim rebat cukai taksiran antara program terpenting di bawah 'Thema-

tic Low Carbon City MBPJ' dan ia dilaksanakan sejak Julai 2011. Sepanjang tempoh 12 tahun kita menerima 2,193 permohonan," katanya pada 3 Jun.

Terdahulu, beliau melancarkan Skim Rebate Cukai Taksiran Rumah Mesra Alam Hijau Petaling Jaya dan Aplikasi MBPJ eRebat di ibu pejabat MBPJ di sini.

Tutup pusat lupus sisa pakaian lusuh

SHAH ALAM - Sebuah premis mengumpul dan menjual sisa pakaian lusuh disita kerana beroperasi tanpa kebenaran Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS).

Menurut MPHS, tindakan itu diambil berikutan kedudukan premis berhampiran anak sungai, yang dikhuatiri boleh mencebarkan sumber bekalan air.

"Pusat pengumpulan dan pelupusan pakaian lusuh ini terletak berhampiran jalan utama serta jaraknya dengan anak sungai lebih kurang 150 meter hingga 200 meter.

"Hasil pemeriksaan di lot 792, Jalan KKB - Rasa (Ladang Ulu Selangor), Mukim Rasa juga mendapati premis berkenaan tidak mempunyai kelulusan atau kebenaran daripada mana-mana agensi termasuk MPHS.

"Pemilik juga gagal mengemukakan sebarang dokumen kepada pihak MPHS," kata PBT itu pada 2 Jun.

Tanggung laksana zon parkir dua jam

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menanggung pelaksanaan tempat letak kereta zon dua jam di kawasan komersial yang dijadual berkuat kuasa mulai 1 Jun.

Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ berkata keputusan itu susulan pindaan Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Bandaraya Subang Jaya) (Pindaan) 2022 belum diluluskan Kerajaan Negeri.

"Jika tempat letak kereta zon dua jam ini dapat dilaksanakan dalam waktu terdekat ia akan mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan tumpuan dan masalah parkir bertindih," kata Muhammad Azli Miswan.

Sindiket minyak masak tumpas

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor menumpaskan sindiket pembotolan dan pembungkusan semula minyak masak secara haram dalam satu operasi di Taman Sentosa, Klang pada 1 Jun.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP Azman Adam berkata serbuan pada 3.30 petang itu berjaya merampas minyak dianggarkan bernilai RM27,628.25.

"Kejayaan itu hasil risikan pihaknya terhadap aktiviti tersebut yang dijalankan di premis tidak bernombor tersebut di Taman Sentosa. Premis itu dipercayai menjadi stor penyimpanan selain lokasi pembungkusan dan pembotolan semula minyak secara tidak sah," katanya.

Azman berkata pada masa yang sama, plastik pembungkusan minyak masak dan lain-lain peralatan terlibat bagi aktiviti memotong serta pembotolan semula turut ditemui dan disita. - BERNAMA

Mohon pinjaman hingga 31 Julai

SHAH ALAM - Permohonan pinjaman boleh ubah dalam negara 2022 kini dibuka mulai 3 Jun sehingga 31 Julai ini.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berkata pinjaman berkenaan adalah menerusi Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor.

"Anak anda sedang melanjutkan pelajaran? Masih mencari pinjaman pelajaran? Jom mohon pinjaman boleh ubah dalam negara 2022.

"Permohonan boleh dibuat di laman sesawang danapendidikan.selangor.gov.my," kata kenyataan di Facebook pada 7 Jun.

Antara syarat kelayakan pemohon atau ibu atau bapa lahir di Selangor, atau telah dan sedang bermastautin lebih daripada 10 tahun di negeri ini.

Kursus kahwin bersemuka

SHAH ALAM - Kursus Praperkahwinan Islam (KPPI) kembali kepada kaedah bersemuka mulai Julai ini.

Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) pada 8 Jun memaklumkan kursus secara dalam talian yang diperkenalkan sejak 2020 tidak lagi ditawarkan selepas ini.

Berdasarkan perkongsian info grafik di Facebook, mereka yang ingin mengikuti kursus boleh mendaftar melalui pautan <http://www.sppim.gov.my>

Peserta kemudian perlu membuat pembayaran yuran RM100 dan akan mengikuti kursus secara bersemuka di lokasi yang dipilih.

Sijil KPPI akan diberikan selepas memenuhi syarat yang ditetapkan.

Bagi memberikan kemudahan, Jais menyediakan 10 pautan KPPI mengikut daerah kepada bakal pengantin.

Daftar e-bil air, menang Proton X50

SHAH ALAM - Pengguna Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) berpeluang memenangi hadiah kereta Proton X50 dengan mendaftar e-bil Air Selangor bermula 10 Mei hingga 30 November ini.

Pengurusan Air Selangor berkata pelanggan perlu melengkapkan pendaftaran dan butiran diri melalui update.airselangor.com/

Menerusi perkongsian di Facebook pada 8 Jun agensi memaklumkan pelanggan perlu membayar bil air setiap bulan dan memastikan tiada bil tertunggak sepanjang tempoh pertandingan.

Pelanggan yang selesai mendaftar e-bil akan menerima kod rujukan dari Air Selangor dan perlu berkongsi kod rujukan berkenaan kepada keluarga dan kenalan.

Mereka yang mempunyai kod rujukan paling banyak digunakan akan berpeluang menjadi pemenang. Maklumat lanjut boleh layari taptap.airselangor.com/

Kempen kesedaran urus harta pusaka

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) mengadakan Kempen Kesedaran Wasiat dan Pusaka peringkat negeri mulai 1 hingga 30 Jun.

Setiausahanya Dr Ahmad Shahr Makhtar berkata kempen itu bertujuan memberi pendedahan kepada umat Islam mengenai kepentingan membuat

perancangan dan pembahagian harta pusaka.

"Ia juga bagi mengelakkan salah faham dalam ilmu perancangan dan pembahagian harta pusaka selain mempromosi Sistem Wasiat dan Hibah (Siswa) kepada orang ramai," katanya pada 1 Jun.

Dalam pada itu, beliau berkata Mais

akan menganjurkan beberapa lagi aktiviti antaranya bicara wasiat dan pusaka dalam memupuk kesedaran terhadap masyarakat.

"Kita juga mengadakan kuliah khas dan membuka kaunter pemasaran Baitulmal di masjid dan surau terpilih," katanya.

Permudah pengurusan harta

Mais lancar sistem wasiat, hibah

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) melancarkan Sistem Wasiat dan Hibah (Siswa) bagi melancarkan pengurusan harta pusaka dengan mudah dan pantas.

Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata sistem tersebut dinaik taraf daripada e-wasiat dengan menggabungkan dua elemen iaitu wasiat dan hibah.

"Menerusi sistem ini, pewasiat per-

lu mengisi borang disediakan dengan mengisi maklumat-maklumat harta dan pembahagian. Mais akan menilai dan menentukannya supaya pembahagian sama rata.

"Saya menyeru kepada masyarakat Islam untuk segera melaksanakan wasiat dan hibah demi kepentingan hidup waris pada masa akan datang dan mengelak pertelingkahan," katanya dalam majlis pelancarannya pada 1 Jun.

Abdul Aziz berkata waris bersikap sambil lewa dalam tuntutan harta

pusaka antara faktor pengagihannya masih tertunggak.

Ketika ini sejumlah RM12.6 bilion harta pusaka di negara ini masih berdaftar atas nama pemilik yang sudah meninggal dunia dan Selangor adalah negeri kedua tertinggi.

Permohonan dan kelulusan akan diuruskan sepenuhnya secara dalam talian dengan menawarkan penggunaan Electronic Know Your Customer (EKYC) yang diiktiraf Bank Negara Malaysia.

Orang ramai boleh melayari laman sesawang siswa.mais.gov.my atau menghubungi talian 03-5514 3773/3772.



Ramai pilih bayar zakat secara fizikal

SHAH ALAM - Kutipan zakat fitrah dalam talian menurun susulan pembayaran fizikal dilaksanakan semula tahun ini, kata Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Namun, Ketua Pegawai Eksekutifnya Mohd Sabirin Mohd Sarbini berkata penurunan melibatkan jumlah kecil iaitu kurang 10 peratus berbanding kutipan tahun lalu sebanyak RM33 juta, lapor Sinar Harian.

"Kami melihat penurunan itu juga berlaku berkebarangkalian faktor rakyat Malaysia dibenarkan pulang ke kampung halaman masing-masing pada tahun ini lebih awal.

"Jadi ramai mengam-bil peluang kerana sudah lama tidak pulang dan mereka



menunaikan tanggungjawab menunaikan zakat fitrah menerusi amil di kampung masing-masing," katanya.

Selain platform bayaran dalam talian, LZS melantik 2,754 ketua dan penolong amil fitrah di seluruh Selangor untuk mengutip zakat itu sepanjang Ramadan tahun ini.

Perintis bebas plastik sekali guna

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjadikan Vista Alam, Seksyen 14 di sini sebagai perintis kawasan Komuniti Bebas Plastik Sekali Guna berkuat kuasa 15 Jun ini.

Menerusinya, penghuni dan peniaga di situ perlu mematuhi larangan menggunakan beg plastik sekali guna, tidak menggunakan bekas makanan dan minuman plastik atau alatan pakai buang plastik.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya berkata premis

perniagaan juga dikehendaki menyediakan beg boleh guna semula, beg kertas atau beg boleh urai kepada orang awam.

"Orang awam pula digalakkan membawa beg boleh guna semula dari rumah ketika membeli-belah dan membawa bekas serta alatan makanan dan minuman sendiri," kata Shahrin Ahmad dalam kenyataan pada 7 Jun.

Jelasnya, pemilihan Vista Alam merupakan gerak kerja bawah Projek Tindakan Kolaborasi Terhadap Pencega-

han Penggunaan Plastik Sekali Guna di Asia Tenggara melalui kerjasama Malaysia dan Jerman.

Beliau menambah projek tersebut juga menjadi landasan bagi mendidik dan menyedarkan masyarakat berhubung kesan penggunaan jangka panjang bahan itu kepada alam sekitar.

"Oleh itu, MBSA berharap projek ini menjadi projek perintis kepada kawasan lain di Shah Alam bagi mengawal penggunaan plastik sekali guna," kata Shahrin lagi.



REMPUH... Pemain ragbi wanita Selangor (tengah) cuba melepasi asakan pemain Putrajaya ketika melakar kemenangan 36-7 dalam aksi Kejohanan Wanita 2022 di Padang Utara, Petaling Jaya pada 4 Jun. Foto Facebook Selangor Rugby Union

Sasar kutip tujuh mata peringkat kumpulan

Misi Malaysia ke Piala Asia 2023

Oleh **AMIN RIDZUAN ISHAK**

SHAH ALAM - Persoalan sama ada Kim Pan Gon mampu mengemudi Harimau Malaya menempah tempat ke pusingan akhir Piala Asia tahun depan akan terjawab pada aksi kelayakan bermula 8 hingga 14 Jun di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Sentuhan pengendali dari Korea Selatan itu ditagih bagi mengakhiri penantian Malaysia yang kali terakhir

menyertai kejohanan pada 2007 sebagai tuan rumah bersama dengan Thailand, Indonesia dan Vietnam. Malaysia layak secara merit 42 tahun lalu pada edisi 1980 yang berlangsung di Kuwait.

Pan Gon yang mula mengemudi Harimau Malaya sejak Mac lalu melancarkan sasaran untuk mengutip tujuh mata dalam kempen Kumpulan E yang turut dibarisi Turkmenistan, Bahrain dan Bangladesh.

"Jika kita nak layak (ke pusingan

akhir Piala Asia), saya fikir tujuh mata boleh menyelamatkan kita. Sudah tentu perlawanan dengan Turkmenistan ini (perlawanan pertama) sasarannya adalah untuk meraih tiga mata," katanya seperti dilapor Berita Harian.

Pusingan akhir 16 Jun

SHAH ALAM - Dua pasukan e-sukan Gergasi Merah, Selangor FC dan Selangor FC 2 mara ke pusingan akhir Unifi eMFL Liga Super 2022 selepas mengharungi 34 perlawanan bermula pada April.

Selangor FC yang diwakili Kamil Al Amini (Maxnevis) dan Husnain Hakim (Rainnn9) menamatkan pusingan liga di tempat ketiga selepas mengumpul 67 mata, dipisahkan empat mata dari Mela-ka United selaku pendahulu liga.

"Kedua-dua gandingan ini memenangi 21 perlawanan, seri empat dan tewas sembilan kali sekali gus berjaya menempatkan diri di slot 'Winner Bracket' untuk pusingan akhir kelak," kata Selangor FC dalam kenyataan pada 5 Jun.

Manakala Putera Sufrie (Killer) dan Alif Dani (ForOneOne) yang mewakili Selangor FC 2 diletakkan dalam 'Loser Bracket' selepas menghuni kedudukan kesembilan dengan mengumpul 52 mata hasil 14 kemenangan, 10 seri dan 10 kekalahan.

Sebanyak 12 pasukan terbaik bertanding secara kalah mati di pusingan akhir dengan empat pasukan teratas bersaing di 'Winner Bracket' manakala baki lapan pasukan bertemu di 'Loser Bracket' pada 16 Jun.

Seorang pemain dari pasukan juara bakal mewakili Malaysia sekali gus menempah tempat bertanding di kejohanan FIFA Global Series Playoff anjuran EA Sports.

Pindah jika ditawarkan kelab Eropah

SHAH ALAM - Pemain dua beradik yang menjalani latihan dua minggu di kelab NK Osijek FC di Croatia berpeluang menerima tawaran mengembangkan bakat di kelab bola sepak Eropah.

Khairul Najib Ibrahim, bapa kepada Luth Qayyim Khairul Najib, 15 dan Qaseh Rania Khairul Najib, 12, yang menerima tajaan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI sedia berpindah jika anaknya menerima tawaran sedemikian.

"Sekiranya ada tawaran kontrak, saya sekeluarga akan mempertimbang untuk berpindah ke sana," katanya pada 3 Jun kepada Selangorkini.

Beliau yang juga jurulatih peribadi kedua-dua anaknya menambah Qaseh pernah ditawarkan bekas pemain Liga Perdana Inggeris untuk bermain di sebuah sekolah di Baltimore, Amerika Syarikat.

Foo Kok Keong bergelar Datuk

KUALA LUMPUR - Legenda badminton negara Datuk Foo Kok Keong menzahirkan rasa syukur apabila dianugerahkan Panglima Jasa Negara (PjN) oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang membawa gelaran 'Datuk'.

Jaguh badminton era 90-an itu berkecambah sebagai ahli sukan beliau amat gembira dan berbesar hati atas pengurniaan anugerah tersebut sempena ulang tahun Hari Keputeraan Rasmi Baginda.

"Saya berasa amat gembira kerana selepas sekian lama sebagai ahli sukan, saya dianugerahkan gelaran ini," katanya selepas istiadat penganugerahan di Istana Negara pada 6 Jun. - BERNAMA



KERAJAAN NEGERI SELANGOR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi perkhidmatan berikut :

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	JPS/N/SEL/S/12/2022 (CP) KERJA - KERJA MENAIKARAF SISTEM SALIRAN DI LORONG EHSAN, JALAN KEBUN, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN.	Terbuka	Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. Gred : G5 Kategori : CE Pengkhususan: CE21 & CE36 Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender.selangor.my/ . Syarikat dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. 16th JUN 2022 hingga 06th JULAI 2022	RM 250.00 Pengaruh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (bayaran secara online)	Peti Tender, Bhg. Ukur Bahan & Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor. 07th JULAI 2022 (KHAMIS) Jam 12.00 tengahari

Taklimat dan Lawatan Tapak : **TIADA**. Koordinat Tapak : **2.978171, 101.534157**

Sebagai usaha membendung dan mencegah wabak COVID-19, taklimat dan lawatan tapak **TIDAK DIWAJIBKAN** untuk pembelian tender. Walau bagaimanapun pihak kontraktor yang berminat boleh melawat sendiri ke tapak dengan koordinat seperti di atas bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran tender. Sekiranya kontraktor mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan, penggunaan hand sanitizer dan pemakaian face mask adalah amat ditekankan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan pada **9.00 pagi** hingga **3.30 petang** sahaja. Salinan resit pembelian hendaklah dilampirkan semasa pengambilan dokumen tender. Sila patuhi SOP yang telah ditetapkan semasa proses pengambilan dokumen tender.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **SJIL ASAL PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN DAN PENDAFTARAN UPENS SERTA SJIL TARAF BUMIPUTERA PPK** jika berkenaan dan satu **SALINAN** bagi siji-siji berkenaan semasa membeli dokumen tender.



NG SUEE LIM
Sekinchan

meninjau program pemeriksaan kesihatan Selangor Saring di Sekinchan, Sabak Bernam

HASNUL BAHARUDDIN
Morib

melawat warga emas di pusat jagaan kebajikan di Taman Bersatu, Kuala Langat



HALIMEY ABU BAKAR
Seri Setia

merasmikan penutupan pertandingan karom di PPR Lembah Subang 1, Petaling Jaya

JAMALIAH JAMALUDDIN
Bandar Utama

bersama petugas menjayakan program derma darah di Kampung Chempaka, Petaling Jaya



GUNARAJAH GEORGE
Sentosa

meninjau perkhidmatan bas Smart Selangor di sekitar kawasan DUN beliau

EDRY FAIZAL EDDY YUSOF
Dusun Tua

melawat anak-anak istimewa pusat pemulihan dalam komuniti di Nanding, Hulu Langat



SHATIRI MANSOR
Kota Damansara

melawat mangsa kemalangan jalan raya di Pangsapuri Jasmine U5, Petaling Jaya

FAKHRULRAZI MOKHTAR
Meru

bersama peserta program penyediaan makanan halal di pusat khidmat DUN beliau



Baik pulih 12 jalan rosak tahun ini

SHAH ALAM - Sebanyak RM1.3 juta diperuntuk bagi baik pulih 12 jalan raya rosak di sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Melawati tahun ini.

Wakil rakyatnya Juwairiya Zulkifli berkata kos projek itu menggunakan peruntukan Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia (Marris).

"Kita sering mendapat aduan daripada penduduk bahawa permukaan

beberapa jalan raya di sini agak teruk dan bimbang sekiranya ia mendatangkan bahaya kepada pengguna.

"Justeru, saya mengambil keputusan untuk menggunakan peruntukan Marris DUN Bukit Melawati bagi membaik pulih jalan-jalan ini demi



Antara jalan yang tersenarai untuk dibaik pulih berperingkat adalah Jalan Kilang, Kampung Api-Api, Jalan Kampung India Batu 7 Asahan, Bestari Jaya, Jalan Raja Uda dan Jalan Pauh.

Setakat ini, kira-kira lima laluan sudah siap serta dapat digunakan sepenuhnya.

Manfaat tunai RM500, kit kelengkapan diri

Bakal jemaah haji disaran segera mohon

Oleh **SHEEDA FATHIL**



SHAH ALAM - Bakal jemaah di negeri ini diseru memohon segera Insentif Haji Muassasah yang disediakan Kerajaan Selangor.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Permatang Rozana Zainal Abidin berkata individu yang ada dokumen lengkap boleh ke pusat khidmat masyarakat (PKM) berhampiran untuk membuat permohonan.

"Antara salinan dokumen perlu disediakan jemaah haji adalah kad pengenalan dan surat tawaran dari mana-mana cawangan Lembaga Tabung Haji (TH)

Selangor.

"Setakat ini, kita tidak meletakkan sasaran jumlah permohonan tetapi semua bakal haji di Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang boleh memohon segera di PKM," katanya pada 1 Jun.

ADN Kajang Hee Loy Sian berkata setakat 31 Mei pihaknya sudah menerima sebanyak 37 permohonan Insentif Haji Muassasah.

"Permohonan masih dibuka sehingga 31 Ogos ini, ia adalah terhad dan kita mengguna pakai konsep siapa cepat dia dapat. Semua bakal jemaah diseru segera memohon," katanya.

Wakil rakyat Tanjung Sepat Borhan Aman Shah pula berkata sambutan

memberangsangkan turut diterima di kawasannya sejak permohonan inisiatif tersebut dibuka 23 Mei lalu.

Insentif Haji Muassasah Selangor yang tertangguh dua tahun akibat Covid-19 diteruskan tahun ini dengan peruntukan RM1.5 juta sebagai tanda keprihatinan Kerajaan Negeri kepada rakyat yang bakal menunaikan haji.

Jemaah yang layak akan menerima wang tunai RM500 dan kit diri mengandungi beg, cecair nyahkuman, losyen, pelembap bibir, tuala muka dan tisu basah.

Antara syarat permohonan mestilah warganegara Malaysia, tawaran menunaikan haji pada tahun ini dan beralamat di Selangor atau mendaftar di mana-mana cawangan TH.

RM1.2 juta bina benteng, ban konkrit

SHAH ALAM - Pembinaan benteng dan ban konkrit di tebing Sungai Langat dijangka menyelesaikan risiko banjir kilat di kawasan perumahan sekitar Jalan Reko, Kajang.

Projek dengan peruntukan RM1.2 juta dilaksanakan di empat kawasan meliputi Taman Sri Langat, Taman Mahkota, Taman Pasir Mas dan Taman Bangi, lapor

Sinar Harian.

Menurut Ahli Dewan Negeri Kajang Hee Loy Sian, pembinaan di tiga kawasan siap sepenuhnya manakala projek di Taman Bangi dijangka selesai pertengahan bulan ini.

"Empat kawasan kita buat benteng iaitu di Taman Sri Langat, Taman Mahkota, Taman Pasir Mas dan Taman Bangi

bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di Jalan Reko kerana air melimpah dari Sungai Langat.

"Projek keempat di Taman Bangi ini menelan belanja sebanyak RM350,000 dari peruntukan Kerajaan Negeri, dijangka siap pada 15 Jun ini," katanya yang juga EXCO alam sekitar pada 7 Jun.

RM20,000 bina laluan baharu

SHAH ALAM - Wakil rakyat Sungai Ramal memperuntuk dana RM20,000 bagi membina jalan baharu di Kampung laluan Sungai Ramal, Kajang.

Mazwan Johar memaklumkan jalan menghubungkan Jalan Abim dan Jalan Kenanga mula digunakan penduduk sebaik sahaja pembinaan selesai dalam tempoh seminggu.

"Jalan ini dibina bagi memberi kemudahan kepada penduduk kampung selain mengurangkan kesesakan lalu lintas.

"Saya berharap penduduk sentiasa mengamalkan sikap timbang rasa dan menjaga keselamatan semua pengguna ketika menggunakan kemudahan ini," katanya pada 2 Jun.

Beliau menambah sejumlah RM50,000 diperuntuk bagi membiayai pembinaan tiga jalan baharu di sekitar Sungai Ramal bagi keselesaan penduduk.

100 pemohon di DUN Batang Kali

SHAH ALAM - Hampir 100 bakal jemaah haji sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Kali memohon Insentif Haji Muassasah setakat ini.

Penyelarasnya Saifuddin Shafi Muhammad berkata semua permohonan diteliti dan individu layak akan menerima sumbangan dalam masa terdekat.

"Kami menggunakan masjid dan surau sebagai platform hebahan permohonan insentif ini. Mungkin ada yang sudah lupa memandangkan bantuan tertangguh dua tahun akibat Covid-19.

"Dalam masa sama, hebahan di media sosial dilakukan. Harap bantuan ini meringankan beban jemaah dalam menyediakan keperluan beribadah," katanya pada 3 Jun.

Insentif Haji Muassasah Selangor diteruskan tahun ini dengan peruntukan RM1.5 juta dan bakal memanfaatkan 3,000 jemaah.

Subang Jaya anjur kelas kopi percuma

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri Subang Jaya dan Penggerak Belia Selangor (PeBS) menganjurkan kelas membuat kopi secara percuma pada bulan ini.

Wakil rakyatnya, Michelle Ng Mei Sze berkata program berkenaan bagi menggalakkan belia menyertai aktiviti bermanfaat susulan peningkatan permintaan produk itu.

"Antara yang akan diajar ialah asas membuat kopi, pengenalan kepada apa itu 'espresso', asas teknik membuat seni hiasan di atas kopi dan banyak lagi.

"Kelas ini terbuka kepada mereka berusia 18 hingga 25 tahun," katanya menerusi Facebook pada 7 Jun.

AHLI DEWAN NEGERI KUALA KUBU BHARU

LEE KEE HIONG

● **Umur:**
56 tahun

● **Falsafah hidup**
Lebih baik memberi dari menerima

● **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:**
Ahli Majlis Perbandaran Kajang

● **Alamat pejabat ADN:**
15, Jalan Gamelan 1,
Taman Gamelan, 44000
Kuala Kubu Bharu

● **Nombor telefon ADN:**
03-6064 5505

● **E-mel:**
leekeehiong@gmail.com

● **Facebook:**
Lee Kee Hiong





Kapal korek mega tarikan baharu

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memperoleh kapal korek antara yang terbesar di dunia melalui Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) dengan kos lebih RM10 juta.

EXCO Kebudayaan dan Warisan Borhan Aman Shah menjelaskan jentera seberat lebih 6,000 tan itu bakal dijadikan muzium bersejarah tidak lama lagi.

"Kita dalam proses membaik pulih kapal korek dan berhasrat mendapatkan pengiktirafan daripada UNESCO (Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu).

"Jadi, MPSepang diminta bekerjasama dengan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) supaya kapal korek ini dapat dijadikan aset pelancongan sekali gus membangunkan kawasan berkenaan," katanya pada 2 Jun.

59,167 kunjungi Fruit Valley setakat Mei

KUALA SELANGOR - Selangor Fruit Valley (SFV) mencatat jumlah pengunjung teramai iaitu 59,167 orang pada tahun ini setakat Mei.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata angka itu mengatasi rekod sebelumnya iaitu 36,000 pengunjung pada 2018.

"Pada 2019 dan 2020 menunjukkan penurunan mendadak mungkin disebabkan pandemik Covid-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Manakala tahun lalu dengan beberapa kelonggaran jumlah itu meningkat kepada 26,262 orang dan tahun ini sehingga Mei 59,167 pengunjung," katanya pada 2 Jun.

Keputusan SPM diumumkan 16 Jun

SHAH ALAM - Keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 akan diumumkan pada 16 Jun ini bermula jam 10 pagi, maklum Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Calon boleh mendapatkan keputusan di sekolah manakala slip keputusan calon persendirian dihantar melalui pos pada tarikh sama.

Selain itu, semakan keputusan dalam talian melalui myresultspm.moe.gov.my antara 16 hingga 24 Jun dari jam 10 pagi hingga 6 petang.

"Rumusan keputusan melalui sistem pesanan ringkas dengan menaip SPMNoKPAngka-Giliran dan hantar ke 15888 yang diaktifkan mulai 16 hingga 22 Jun dari 10 pagi hingga 6 petang," kata kenyataan itu pada 7 Jun.



Pemain Selangor FC (kanan) melepasi kawalan pemain ATM ketika aksi pembukaan Liga Wanita Nasional di JSA Arena Setia Alam, Shah Alam pada 4 Jun. Foto Facebook Selangor FC

Aksi sulung Liga Wanita Nasional

Selangor FC belasah ATM 6-0

Oleh **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - Pasukan wanita Selangor FC menewaskan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam aksi sulung Liga Wanita Nasional di JSA Arena Setia Alam A pada 4 Jun.

Tuan rumah membuka jaringan seawal minit kedua menerusi Fadhatul Najwa yang memanfaatkan kesilapan

pertahanan lawan sebelum tenang menolak bola melepasi penjaga gol ATM.

Bagaimanapun, Selangor FC terpaksa menunggu sehingga minit ke-57 untuk menggandakan jaringan hasil percubaan Hannani Adriana disusuli gol ketiga yang disumbangkan Mecca Rania dua minit kemudian.

Hannani Adriana menjaringkan gol kedua peribadi bagi kedudukan 4-0 sebelum Nur Fazira menyempurnakan

sepekan penalti tujuh minit kemudian.

Ainin Sofiya melengkapkan hari cemerlang Selangor FC apabila menanduk masuk jaringan keenam pada minit ke-83.

Tujuh pasukan mengambil bahagian termasuk Selangor FC dalam saingan peringkat zon tengah.

Perlawanan berikut Selangor FC sepanjang bulan ini menentang First 11 (11 Jun) dan Setiawangsa Sollo (18 Jun).

Ziana, Anuar dendang 20 lagu

SHAH ALAM - Penyanyi dua beradik Ziana Zain dan Anuar Zain bakal mendendangkan lebih 20 lagu popular dalam konsert di Pleanary Hall, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 6 Ogos.

Meski tiket habis terjual selepas tiga hari dilancarkan pada 19 Mei, mereka belum menentukan pilihan lagu yang bakal diden-

dangkan mereka secara solo mahupun duet dalam acara berkenaan.

"Pilihan lagu baharu bermula dan mengambil sedikit masa kerana kedua-duanya

pasti mahu menghiburkan peminat dengan persembahan terbaik," kata

jurucakap Trumpet International Sdn Bhd, penganjur konsert itu pada 7 Julai.

Ziana, 54, mula menceburi bidang seni pada 1986 dan popular dengan lagu Madah Berhelah, Puncak Kasih dan Anggapanmu manakala Anuar, 52, terkenal dengan lagu Lelaki Ini, Keabadian Cinta serta Sedetik Lebih.